

**MESYUARAT PENUH MAJLIS
BIL.05/2013**

MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

TARIKH : 31 MEI 2013
MASA : 9.30 PAGI
**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MPAJ**

**MESYUARAT PENUH MAJLIS
BIL.05/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

**TARIKH : 31 MEI 2013
MASA : 9.30 PAGI
TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MPAJ**

AGENDA

1. Bacaan Doa.
2. Ucapan Pengerusi.
3. Mengesahan Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bil.04/2013 bertarikh 29 April 2013.
4. Pembentangan laporan-laporan seperti berikut :-
 - 4.1. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil.05/2013 .
 - 4.2. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil.05/2013.
 - 4.3. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil.05/2013.
 - 4.4. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil.05/2013.
 - 4.5. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil.05/2013.
 - 4.6. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.09/2013.
 - 4.7. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.10/2013.
5. Ucapan Penangguhan oleh Tuan Lim Fong Len.
6. Penutup.

**MESYUARAT PENUH MAJLIS
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA BIL.05/2013**

KANDUNGAN

1. Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bil.04/2013.
2. Lampiran-lampiran :-
 - 4.1. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil.05/2013 .
 - 4.2. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil.05/2013.
 - 4.3. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil.05/2013.
 - 4.4. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil.05/2013.
 - 4.5. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil.05/2013.
 - 4.6. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.09/2013.
 - 4.7. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.10/2013.

**MINIT MESUARAT PENUH MAJLIS BIL. 4/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA****TARIKH : 29 APRIL 2013****MASA : 9.30 PAGI****TEMPAT : BILIK MESUARAT 1
TINGKAT 16, MENARA MPAJ****KEHADIRAN**

- | | | | |
|-----|--|---|-------------|
| 1. | Y. Bhg. Dato' Mohammad bin Yacob
Yang DiPertua Majlis | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Jafrien bin Muhammad | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Abdul Latif bin Shaari | - | " |
| 4. | Tn. Ahmad Fauzi bin Mohd Kamis | - | " |
| 5. | Tn. Fong Teck Keong | - | " |
| 6. | Tn. Ahmad Sabri bin Abu Bakar | - | " |
| 7. | Pn. Cheong Chye Wah | - | " |
| 8. | Pn. Sian Keng Eng | - | " |
| 9. | Tn. Hj. Abdul Jalil bin Hasan | - | " |
| 10. | Tn. Hj. Meor Rithuan bin Mohamed Said | - | " |
| 11. | Pn. Wan Hasrina binti Wan Hassan | - | " |
| 12. | Tn. Hj. Ali bin Ismail | - | " |
| 13. | Tn. Hj. Mat Jusoh bin Dollah | - | " |
| 14. | Tn. Abdul Aziz bin Ahmad | - | " |
| 15. | Tn. Supiramany a/l Sinnapayal | - | " |
| 16. | Tn. Mohamad bin Samat | - | " |

- | | | |
|-------------------------------|---|-------------|
| 17. Tn. Ho Ah Ngoh | - | Ahli Majlis |
| 18. Tn. Abd Hamid bin Hussain | - | Setiausaha |

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

1. Tn. Razali bin Ramly
Ahli Majlis, MPAJ
2. Tn. Hamsah bin Djabir
Ahli Majlis, MPAJ
3. Tn. Wong Khai Pun
Ahli Majlis, MPAJ
4. Tn. Lim Fong Len
Ahli Majlis, MPAJ
5. Tn. Hj. A. Yazid bin Alias
Ahli Majlis, MPAJ

TURUT HADIR (DALAMAN)

1. Drs. Sarordin bin Hj. Shahri
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan
2. En. Johari bin Atli
Jabatan Undang-Undang
3. En. Hasrolnizam bin Shaari
Jabatan Kejuruteraan
4. En. Khairilazhar bin Ismail
Jabatan Belia dan Masyarakat
5. Pn. Rosliza binti Mohd
Jabatan Perancangan Korporat
6. En. Addy Hisham bin Elias
Jabatan Penguatkuasa

7. Pn. Marlina binti Mohamad
Jabatan Pelesenan
8. En. Khairulazmi bin Abd. Rahman
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
9. Pn. Rohana binti Md Noor
Bahagian OSC
10. En. Muhamad Noor Isman bin Ismail
Bahagian COB
11. Pn. Farhana binti Osman
Jabatan Perbendaharaan
12. En. Mohd Zairil Adzwan bin Mohd Basar
Bahagian Audit Dalam
13. Pn. Norlela binti Kamsi
Bahagian Urusetia
14. Pn. Noryani binti Roslan
Bahagian Urusetia

1. BACAAN DOA

Bacaan doa oleh Tuan Haji Abdul Jalil bin Hasan

2. UCAPAN PENGERUSI

Y.Bhg. Dato' Mohammad bin Yacob, Yang Di Pertua selaku Pengerusi mengucapkan salam dan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, pengarah-pengarah Jabatan dan pihak media yang hadir ke Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 4/2013.

Dato' Pengerusi seterusnya memaklumkan perkara-perkara berikut:-

2.1. Pilihanraya ke-13 akan diadakan pada 5 Mei 2013 dan dibawah pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) terdapat 2 Parlimen iaitu Ampang dan Pandan serta 5 DUN iaitu Lembah Jaya, Cempaka, Teratai, Bukit Antarabangsa dan Hulu Kelang. Sebanyak **56 kawasan** telah dikenalpasti untuk digunakan sebagai tempat pengundian dengan pecahan DUN seperti berikut:

- a) DUN Teratai – 12 lokasi
- b) DUN Cempaka – 11 lokasi
- c) DUN Lembah Jaya – 19 lokasi
- d) DUN Bukit Antarabangsa – 14 lokasi
- e) DUN Hulu Kelang – Diselia oleh Pejabat Daerah Gombak

2.2 Dato' Pengerusi memaklumkan pada 5 Mei 2013 nanti, 2 jalan utama akan ditutup selepas tamat tempoh mengundi pada PRU ke 13 bermula pada 6.00 petang hingga 12 tengah malam iaitu sepanjang Jalan Pandan Ilmu, Pandan

Indah dan Jalan Ampang. Ini bagi melancarkan kerja-kerja pengiraan undi bagi petugas Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) di dua bilik Gerakan SPR di situ.

2.3. Dato' Pengerusi memohon kerjasama daripada semua parti politik agar bahan-bahan kempen yang digantung tidak menghalang dan mengganggu keselamatan pengguna jalanraya.

2.4. Dato' Pengerusi memaklumkan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) akan menganjurkan Seminar Pengurusan Bangunan Berstrata di 2 lokasi berikut pada bulan Mei 2013 iaitu :

- Dewan Sri Hijauan, Ukay Perdana pada 18 Mei 2013
- Dewan MPAJ, Pandan Indah pada 26 Mei 2013

Seminar ini bertujuan untuk menerangkan dan mempromosikan berkenaan Akta Pengurusan Strata (Akta 757). Sasaran peserta adalah di kalangan AJK JMB/MC dan penduduk setempat.

2.5. Dato' Pengerusi memaklumkan juga bahawa pihak MPAJ sedang dalam proses penyelenggaraan pokok-pokok berisiko dan pokok-pokok yang berada dalam kawasan laluan angin lintang. Sehingga kini, pihak Majlis telah melaksanakan penyelenggaraan di empat (4) kawasan yang telah dikenalpasti iaitu:

- i)Bukit Antarabangsa
- ii)Taman Melawati
- iii)Pandan Indah
- iv)Keseluruhan Taman Keramat

- 2.6. Penyelenggaraan secara berkala di kawasan laluan angin lintang akan dilaksanakan secara berterusan bagi mengelakkan berlaku kejadian yang tidak diingini. Cuaca yang tidak menentu kebelakangan ini juga menjadi faktor utama penyebab risiko pokok tumbang.
- 2.7. Dato' Pengurus memaklumkan sebanyak 31 projek jalan telah dikeluarkan melalui peruntukan MARRIS. 31 Syarikat telah dilantik bagi pelaksanaan projek dan telah memulakan kerja. Kerja-kerja dijangka siap pada 4 Mei 2013. Baki peruntukan daripada RM 5 juta akan dilaksanakan selepas pilihanraya.

3. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT BIL. 3/2013

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 3/2013 bertarikh 29 Mac 2013 disahkan tanpa pindaan. Minit mesyuarat dicadangkan disahkan oleh Tuan Abdul Aziz bin Ahmad dan disokong oleh Tuan Jafrien bin Muhammad.

4. PERKARA BERBANGKIT

Tiada

5. PERTIMBANGAN LAPORAN**5.1. LAPORAN JAWATANKUASA PERUMAHAN, PENGURUSAN BANGUNAN DAN BINAAN TANPA IZIN**

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 4/2013 bertarikh 29 April 2013 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil. 4/2013 yang telah diadakan pada 16 April 2013 tanpa pindaan. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Puan Sian Keng Eng dan disokong oleh Tuan Hj. Ali bin Ismail.

MAKLUMAN**5.2. LAPORAN JAWATANKUASA KESIHATAN, ALAM SEKITAR DAN KEMASYARAKATAN**

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 4/2013 bertarikh 29 April 2013 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil. 4/2013 yang telah diadakan pada 17 April 2013 tanpa pindaan. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Supiramany a/l Sinnapayal dan disokong oleh Tuan Mohamad bin Samat.

MAKLUMAN

5.3. LAPORAN JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 4/2013 bertarikh 29 April 2013 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil. 4/2013 yang telah diadakan pada 23 April 2013 tanpa pindaan. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Supiramany a/l Sinnapayal dan disokong oleh Tuan Abdul Latif bin Shaari dan Tuan Ahmad Fauzi bin Mohd Kamis.

MAKLUMAN**5.4. LAPORAN JAWATANKUASA KEWANGAN DAN TAKSIRAN**

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 4/2013 bertarikh 29 April 2013 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil. 4/2013 yang telah diadakan pada 24 April 2013 tanpa pindaan. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Puan Cheong Chye Wah dan disokong oleh Tuan Ahmad Fauzi bin Mohd Kamis.

MAKLUMAN**5.5. LAPORAN JAWATANKUASA PELESENAN DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN**

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 4/2013 bertarikh 29 April 2013 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil. 4/2013 yang telah diadakan pada 26 April 2013 dengan pindaan seperti di bawah. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Haji Meor Rithuan bin Mohamed Said dan disokong oleh Tuan Jafrien bin Muhammad.

5.5.1 Pindaan di Perkara 3.5. di muka surat 128

Payung dan meja yang ditinggalkan di bahu Jalan Cemara 1 telah **tiada di lokasi** dipinda kepada **masih berada di lokasi**.

MAKLUMAN**5.6. LAPORAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)**

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 4/2013 bertarikh 29 April 2013 telah mengambil maklum dan menerima laporan Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 7/2013 dan bil. 8/2013 bertarikh 11 April 2013 dan 25 April 2013.

MAKLUMAN**6. UCAPAN PENANGGUHAN OLEH TUAN HO AH NGOH**

Tuan Ho Ah Ngoh mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk menyampaikan ucapan penangguhan pada Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 4/2013.

Dalam ucapan beliau memaklumkan ketika ini, Negara sedang menghadapi suasana pilihanraya yang akan menyaksikan satu kabinet baru pilihan rakyat yang pintar dan bijak. Tidak terkecuali kawasan yang diurus tadbir dan dikawal selia oleh MPAJ. Sebagai sebuah pihak berkuasa tempatan, adalah penting untuk memastikan penduduk setempat menilai dan memilih berdasarkan keupayaan dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat. Ini bukan sahaja menjalinkan hubungan yang baik antara penduduk setempat dengan pemimpin, malah hubungan penduduk setempat dengan MPAJ juga terjalin mesra.

Pada 5 Mei 2013 yang akan datang, bakal menyaksikan hari bersejarah bagi seluruh Negara di mana seluruh rakyat Malaysia yang mendaftar sebagai pengundi akan menjalankan kewajipan sistem demokrasi Negara. Warga kerja MPAJ yang terlibat dalam menjayakan proses pilihanraya diharap dapat menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan dengan penuh amanah dan harmoni.

Beliau percaya dengan tindakan dan pendekatan yang berbentuk progresif bukan sahaja misi dan visi akan tercapai tetapi motto berbakti, bersih dan berbudaya yang terdapat pada logo MPAJ akan sempurna sifatnya. Beliau mengambil kesempatan mengucapkan selamat bertugas kepada semua yang bertugas pada 5 Mei 2013 dan selamat mengundi di hari pilihanraya nanti.

Akhir sekali beliau turut mengambil kesempatan untuk menyampaikan satu panduan kepada semua yang hadir supaya bersama-sama dengan pengundi yang lain boleh mencipta satu sejarah dalam PRU ke 13 ini dengan serangkap pantun:

Pisang emas dibawa belayar
Masak sebijji di atas peti
Hutang kroni rakyat bayar
Hutang PTPTN dibawa mati.

7. PENUTUP

Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas ucapan penangguhan tersebut dan Mesyuarat ditangguhkan pada jam 10.39 pagi.

Disediakan oleh:-**(ABD. HAMID BIN HUSSAIN)**

Setiausaha
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Minit Mesyuarat telah disyorkan untuk disahkan oleh
..... dan disokong oleh

(DATO' MOHAMMAD BIN YACOB, DSIS,SIS,KMN)

Pengerusi Mesyuarat
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
MPM 4 2013 - 29.4.2013

4.1
**LAPORAN MESUARAT JAWATANKUASA KESIHATAN,
ALAM SEKITAR DAN KEMASYARAKATAN
BIL.05/2013**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KESIHATAN,
ALAM SEKITAR DAN KEMASYARAKATAN
BIL.05/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 13 MEI 2013

MASA : 9.30 PAGI – 11.08 PAGI

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MENARA MPAJ**

KEHADIRAN

- | | | | |
|-----|--|---|-------------|
| 1. | Tn. Abd. Hamid Bin Hussain
(Timbalan Yang Dipertua, MPAJ) | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Abd. Latif bin Shaari | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Hamsah Bin Djabir | - | " |
| 4. | Tn. Ahmad Sabri bin Abu Bakar | - | " |
| 5. | Tn. Fong Teck Keong | - | " |
| 6. | Tn. Abdul Jalil Bin Hasan | - | " |
| 7. | Tn. Ali Bin Ismail | - | " |
| 8. | Tn. Lim Fong Len | - | " |
| 9. | Tn. Abdul Aziz bin Ahmad | - | " |
| 10. | Tn. Mohamad Bin Samad | - | " |
| 11. | Tn. Supiramany a/l Sinnapayal | - | " |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|---|---|-------------|
| 1. | Y. Bhg. Dato' Mohammad Bin Yacob, DSIS, SIS | - | YDP, MPAJ |
| 2. | Tn. Jafrien bin Muhammad | - | Ahli Majlis |

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.05/2013**

**LAPORAN JAWATANKUASA KESIHATAN, ALAM SEKITAR
DAN KEMASYARAKATAN**

1. TUJUAN

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil.05/2013 telah diadakan pada 13 Mei 2013 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

2.1. KERTAS MAKLUMAN PROGRAM-PROGRAM SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN MPAJ YANG KE 21

2.1.1. Mesyuarat dikemukakan dengan program-program yang akan dilaksanakan Sempena Sambutan Ulang Tahun MPAJ Yang Ke 21.

2.1.2. MPAJ bakal menyambut ulang tahun penubuhannya yang ke 21 pada 01 Julai 2013. Pelbagai program telah dirancang dan akan dilaksanakan oleh Jabatan Belia dan Masyarakat. Program akan diadakan pada 02 Jun 2013 dan berakhir pada 07 Julai 2013. Senarai program, tarikh dan tempat adalah seperti **di Lampiran 1.**

2.1.3. Mesyuarat bersetuju menerima dan mengambil maklum program-program yang dirancang sempena Sambutan Ulang Tahun MPAJ yang ke 21 seperti di **Lampiran 1**. Mesyuarat turut mencadangkan supaya diselaraskan dengan Jabatan Perancangan Korporat untuk program-program berbentuk seminar, majlis dialog dan aktiviti gotong royong serta program tanam pokok.

3. MESYUARAT TURUT MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BERIKUT:-

3.1. ASPEK KESIHATAN

3.1.1. PROGRAM COMBI DAN LAPORAN DENGGI DI SEKITAR AMPANG JAYA

Mesyuarat dimaklumkan 15 daripada 24 JKP telah mengadakan taklimat COMBI dan 9 JKP berjaya menubuhkan skuad denggi. Selain taklimat, pertandingan mencari jentik-jentik dan gotong-royong telah berjaya dilaksanakan.

Bagi laporan denggi sehingga minggu Epid ke 19, sebanyak 361 kes dinotifikasi dan 99 kes disahkan secara serologi. Terdapat 4 lokasi wabak terkawal iaitu LD 546 Pandan Terrace Pandan Perdana, LD 339 Taman Dagang Permai, LD 466 Taman Cahaya dan LD 227 Taman Nirwana.

**Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

3.1.2. KEMPEN TANGKAP TIKUS DAN KEMPEN KEBERSIHAN

Pihak Jabatan masih meneruskan aktiviti kawalan roden di lokasi-lokasi berisiko dan juga berdasarkan aduan penduduk. Kempen menangkap tikus akan dimulakan semula di kawasan ZON 21.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.1.3. PEMERIKSAAN KEBERSIHAN KE ATAS RESTORAN

Mesyuarat dimaklumkan dari bulan Januari sehingga 31 April 2013, sebanyak 433 premis makanan yang terdiri daripada 6 kategori restoran, medan selera, gerai statik, kantin, gerai UPEN dan BOT telah disemak tahap kebersihannya. Daripada jumlah tersebut sebanyak 300 premis layak diberikan sijil premis bersih iaitu 125 Gred A dan 175 Gred B manakala baki 133 premis mendapat Gred C. Sebanyak 22 kompaun telah dikeluarkan ke atas premis yang berada di Gred C.

Pada keseluruhannya, hanya 69% daripada 433 premis makanan yang telah dilawati layak untuk dikunjungi. Pemeriksaan premis akan dilakukan 2 kali seminggu berbanding 1 kali seminggu sebelum ini. Masalah yang dihadapi oleh premis ialah kebanyakan pembantu kedai adalah pekerja sementara yang tidak menerima suntikan TY2 dan cara penyediaan makanan yang kurang memuaskan dari aspek kebersihan. Mesyuarat bersetuju supaya suntikan TY2 diberikan di lokasi premis perniagaan. Tindakan penguatkuasaan dan

penutupan bersama PKD akan dijalankan dari masa ke semasa. Laporan keseluruhan pemeriksaan premis seperti di **Lampiran 2**.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.2. ASPEK ALAM SEKITAR

3.2.1. KEMPEN TONG SAMPAH

Mesyuarat dimaklumkan pada bulan April 2013 sebanyak 174 notis telah dikeluarkan dan 8 kompaun telah dikenakan terhadap premis yang gagal mematuhi notis.

Secara keseluruhan sebanyak 3238 notis dan 72 kompaun telah dikeluarkan. Semakan penyediaan tong sampah juga dibuat melalui permohonan lesen premis perniagaan, di mana setiap premis perniagaan diwajibkan menyediakan tong sampah yang bersesuaian.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.2.2. KAWASAN LAPANG YANG SEMAK DI ANTARA JALAN BUNGA TANJUNG 9 DAN BUNGA TANJUNG 8A DAN 8B (TANAH PEMAJU METROPLEX)

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja pembersihan akan dilaksanakan sepenuhnya selepas kerja-kerja pembaikan 'back hoe' siap.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.2.3. PAPAN TANDA AMARAN LARANGAN MEMBUANG SAMPAH DI JALAN H JALAN J DAN JALAN PERMAI A TASEK PERMAI

Mesyuarat dimaklumkan penyediaan papan tanda tersebut dalam proses kelulusan.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.2.4. PEMBERSIHAN KAWASAN TAPAK PEMAJU METROPLEX DI TAMAN KOSAS

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja pembersihan akan dilaksanakan secepat mungkin selepas kerja-kerja pembaikan 'back hoe' siap.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.2.5. PEMBERSIHAN KAWASAN DI KAWASAN PEMAJU TAMAN MESTIKA

Mesyuarat dimaklumkan notis telah dikeluarkan kepada milik tanah iaitu Naza TTDI Sdn. Bhd. Jika tiada tindakan pembersihan dilaksanakan oleh pemilik, pihak Jabatan akan mengambil tindakan pembersihan pada 26 Jun 2013.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.2.6. PEMBERSIHAN KAWASAN

Kerja-kerja pemotongan rumput di Lot 541 Taman Bkt Utama telah dilaksanakan pada 9 Mei 2013 mengikut jadual. Kerja terakhir telah dilaksanakan pada 17 dan 18 April 2013.

Makluman

3.2.7. AIR BERTAKUNG DI HADAPAN RUMAH NO.41, JALAN BUNGA CEMPAKA 19A TAMAN MUDA

Kerja-kerja pembersihan di hadapan rumah No.41, Jalan Bunga Cempaka 19A Taman Muda telah dilaksanakan pada 20 April 2013.

Makluman**3.2.8. KONTRAKTOR TIDAK MENGANGKAT SAMPAH DI BKT INDAH**

Kerja-kerja kutipan sampah sisa pepejal adalah mengikut jadual yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, pemantauan akan dilaksanakan secara berterusan bagi mengelakkan kegagalan kutipan berlaku.

Makluman**3.2.9. PEMBERSIHAN KAWASAN DI FLAT TAMAN KOSAS**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa semakan pihak jabatan mendapati Flat Taman Kosas di Jalan 3/12 (berhampiran padang Sekolah Rendah) merupakan kawasan di bawah seliaan JMB.

**Tindakan:
Bahagian COB****3.2. ASPEK KEMASYARAKATAN****3.3.1. GELANGGANG SEPAK TAKRAW DI TASEK TAMBAHAN**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak jabatan masih belum menerima surat penyerahan tapak daripada Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat.

**Tindakan:
Jabatan Belia & Masyarakat**

3.3.2. PERMOHONAN TUKAR GUNA GELANGGANG BOLA KERANJANG KEPADA FUTSAL DI JALAN KOSAS 2/6

Mesyuarat dimaklumkan permohonan tukar guna gelanggang bola keranjang kepada futsal di Jalan Kosas 2/6 masih dalam tindakan penyelenggaraan jabatan.

**Tindakan:
Jabatan Belia & Masyarakat**

3.3.3. BAIK PULIH TEMPAT RIADAH DI JALAN MAJU 2/6 TAMAN LEMBAH MAJU

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja baik pulih tempat riadah di Jalan Maju 2/6 Taman Lembah Maju dalam tindakan pemaju.

Jabatan Belia dan Masyarakat dan Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan diminta menyelaraskan kerja-kerja pemotongan rumput.

**Tindakan:
Jabatan Belia & Masyarakat/
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

3.3.4. NAIK TARAF PADANG BOLA SEPAK DI JALAN F1 TAMAN MELAWATI

Mesyuarat dimaklumkan proses menaik taraf padang bola sepak di Jalan F1 Taman Melawati masih dalam tindakan penyelenggaraan jabatan.

**Tindakan:
Jabatan Belia & Masyarakat**

3.3.5. CANTASAN POKOK DI HADAPAN FOODCOURT PANDAN CAHAYA

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja cantasan pokok telah siap dilaksanakan.

Makluman

3.3.6. NAIK TARAF PADANG AWAM DI JALAN PERSIARAN 7 PANDAN JAYA

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja menaik taraf padang bola awam di Jalan Persiaran 7 Pandan Jaya masih dalam tindakan penyelenggaraan jabatan.

**Tindakan:
Jabatan Belia & Masyarakat**

3.3.7. GELANGGANG FUTSAL DI JALAN PANDAN INDAH 4/16

Mesyuarat dimaklumkan proses mengadakan gelanggang mini futsal di Jalan Pandan Indah 4/6 masih dalam tindakan penyelenggaraan jabatan.

**Tindakan:
Jabatan Belia & Masyarakat**

3.3.8. PAPAN TANDA NAMA DI TAMAN KELAHIRAN DI HOSPITAL PAKAR AMPANG PUTERI

Mesyuarat dimaklumkan pemberian papan tanda nama kelahiran di Hospital Pakar Ampang Puteri masih dalam tindakan penyelenggaraan jabatan.

**Tindakan:
Jabatan Belia & Masyarakat**

3.3.9. GELANGGANG SEPAK TAKRAW BERBUMBUNG

Mesyuarat dimaklumkan hasil semakan pihak jabatan mendapati gelanggang sepak takraw di Padang Perbandaran MPAJ kurang sesuai untuk dijadikan gelanggang berbumbung kerana kawasan tersebut merupakan kawasan rekreasi terbuka.

Ahli Majlis kawasan meminta supaya cadangan gelanggang berbumbung dipertimbangkan dengan reka bentuk yang bersesuaian.

Jabatan Belia & Masyarakat diminta menyelaraskan bersama Jabatan Bangunan dan Senibina berkenaan rekabentuk berbumbung yang bersesuaian.

Tindakan:
Jabatan Belia & Masyarakat/
Jabatan Bangunan & Senibina

3.4. LAIN-LAIN ASPEK

3.4.1. PENEMPATAN SETINGGAN BERHAMPIRAN FLAT 700 PANDAN PERDANA

Mesyuarat dimaklumkan pihak Jabatan masih belum menerima maklumbalas daripada pihak zakat mengenai bantuan kepada setinggan tersebut. Semakan di lokasi mendapati setinggan masih lagi tinggal di tapak.

Tindakan:
Jabatan Perancang Bandar

3.4.2. PAPAN TANDA LARANGAN BERNIAGA DI KAWASAN PERMAI COURT 1, TAMAN DATO' AHMAD RAZALI

Mesyuarat dimaklumkan pemasangan papan tanda larangan untuk bermiaga masih dalam tindakan pembelian dan tindakan penguatkuasaan akan diambil terhadap peniaga baru yang hendak bermiaga di lokasi tersebut.

**Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

4. HAL-HAL LAIN**4.1. ASPEK ALAM SEKITAR**

TUAN HAMSAH BIN DJABIR

4.1.1. KERJA PEMBERSIHAN DI LERENG BUKIT

Beliau memaklumkan kerja-kerja pembersihan perlu dijalankan di lereng bukit di Lorong 9 Kg. Sri Tanjung.

**Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

TUAN FONG TECK KEONG

4.1.2. BANJIR AKIBAT LONGKANG TERSUMBAT

Longkang tersumbat di tapak pembinaan Stesen LRT Ampang mengakibatkan banjir kilat berlaku di Jalan Pasar Pekan Ampang.

**Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

TUAN AHMAD SABRI BIN ABU BAKAR**4.1.3. PEMOTONGAN RUMPUT DI LERENG - LERENGBUKIT**

Beliau memaklumkan kerja-kerja penyelenggaraan seperti pemotongan rumput di sekitar lereng menghadap Kyoto Garden dan lain-lain cerun berhampiran hendaklah diberi perhatian oleh Majlis.

**Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

4.1.4. KERJA-KERJA PEMBERSIHAN DI TAMAN BUKIT JAYA

Beliau memohon supaya perkara berikut diambil tindakan di kawasan Taman Bukit Jaya :

1. Sapuan tidak dibuat secara menyeluruh.
2. Longkang-longkang kotor dan ditumbuhinya oleh rumput, berlumut dan tersumbat.
3. Bahu jalan ditumbuhinya rumput dan penyelenggaraan yang kurang memuaskan.

**Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

TUAN HJ ALI BIN ISMAIL**4.1.5. KERJA-KERJA PEMBERSIHAN MONSOON DRAIN**

Beliau membangkitkan longkang-longkang monsun yang telah dipenuhi pokok di dalamnya terutama di kawasan Tasik Permai dan Taman Dagang Halaman. Beliau bertanyakan adakah longkang tersebut terlibat dalam skop kerja pembersihan longkang monsun oleh kontraktor kawasan yang dilantik.

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan diminta menyediakan inventori semua longkang dan papan tanda tarikh pembersihan.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

TUAN MOHAMAD BIN SAMAT

4.1.6. KERJA-KERJA PEMBERSIHAN MONSOON DRAIN

Beliau mencadangkan kerja-kerja pembersihan secara menyeluruh di kawasan Taman Bukit Teratai :

1. Belakang rumah Jalan Teratai 2/79
2. Belakang rumah Jalan Teratai 1/8
3. Belakang rumah Jalan Teratai 1/9E

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

4.1.7. PENYELENGGARAAN LONGKANG DI KAWASAN CERUN

Beliau memohon longkang-longkang di kawasan cerun berikut diselenggara dengan sempurna iaitu :

1. Hujung Jalan Mega13, Mega 15, Mega 17 dan Mega 19.
2. Pangsapuri Anggerik, Bkt Permai 2,
3. Jalan Saga 2, Taman Saga
4. Jalan Melur 15, Taman Melur.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

4.1.8. PEMBERSIHAN KAWASAN DEWAN

Beliau memohon dibuat penyelenggaraan secara berterusan bagi kerja-kerja pembersihan di sekitar kawasan berpagar di Dewan JKP Zon 23 di Jalan Teratai 2/7B Taman Bkt Teratai.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

4.2. ASPEK KESIHATAN**TUAN AHMAD SABRI BIN ABU BAKAR****4.2.1. OPERASI TANGKAP ANJING LIAR DAN MONYET**

Beliau memaklumkan penduduk Taman Bkt. Mulia memohon diadakan Ops tangkap anjing liar dan monyet di sekitar taman tersebut.

Beliau juga memohon Majlis menyelaraskan dengan Jabatan Perhilitan untuk memasang sangkar di Jalan Mulia 1/5 berhampiran hutan.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

4.2.2. KEMPEN TANGKAP TIKUS DI ZON 5

Beliau mohon supaya Kempen Tangkap Tikus di dijalankan di Zon 5 terutama di Jalan Wangsa 2 dan sekitarnya kerana banyak aduan diterima berkenaan banyak tikus berkeliaran pada masa masa tertentu.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

4.3. ASPEK KEMASYARAKATAN**TUAN MOHAMAD BIN SAMAT****4.3.1. PENGINDAHAN KAWASAN DAN LANDSKAP**

Beliau mencadangkan supaya landskap dan pengindahan kawasan di sekitar Majlis diberi penekanan oleh Majlis.

**Tindakan:
Jabatan Belia & Masyarakat**

TUAN HAMSAH BIN DJABIR**4.3.2. TEBANG POKOK KETAPANG**

Mohon di tebang pokok ketapang di Jalan 1 Ampang Jaya kerana ia mengotorkan Dataran Anak Muda.

**Tindakan:
Jabatan Belia & Masyarakat**

TUAN AHMAD SABRI BIN ABU BAKAR**4.3.3. PEMOTONGAN POKOK BULUH**

Penduduk Kyoto Garden memohon supaya pokok buluh di Jalan Persiaran Bkt. Jaya ditebang dan digantikan dengan pokok bunga tanjung diselang selikan dengan pokok kelat paya untuk kelihatan cantik di sepanjang jalan hingga ke Kelab Oakleaf.

**Tindakan:
Jabatan Belia & Masyarakat**

4.4. LAIN-LAIN ASPEK**TUAN ABDUL LATIF BIN SHAARI****4.4.1. BILIK KHAS UNTUK AHLI MAJLIS**

Beliau mencadangkan agar disediakan sebuah bilik khas untuk kemudahan Ahli Majlis.

Tindakan:
Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta

4.4.2. MASALAH BEKALAN AIR DI TASEK PERMAI

Beliau memaklumkan berlaku bekalan air terputus di Tasek Permai, mohon mendapat tindakan dan perhatian daripada pihak jabatan.

Tindakan:
Jabatan Belia & Masyarakat

TUAN SUPIRAMANY A/L SINNAPAYAL**4.4.3. BILIK GERAKAN PARTI**

Beliau memaklumkan terdapat lokasi di Jalan 46 Kg Cheras Baru dijadikan Bilik Gerakan parti, mohon semakan status bagi tapak tanah tersebut.

Tindakan:
Jabatan Perancang Bandar

TUAN ABDUL JALIL BIN HASAN**4.4.4. PERTELINGKAHAN JMB BARU DAN JMB LAMA**

Beliau memaklumkan berlaku pertelingkahan antara JMB baru dan JMB lama di Apartment Angsana, Pandan Indah berhubung serahan dokumen kewangan dan mohon perkara ini disemak dan tindakan selanjutnya.

Tindakan:
Bahagian COB

(Minit dipindahkan ke Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin)

4.4.5. KAJI SEMULA GERAI KOSONG DI FLAT 610, PANDAN INDAH

Beliau mencadangkan dikaji dan semakan bagi 4 (empat) buah gerai yang kosong di Flat 610 Pandan Indah iaitu gerai No. 16, 18 dan 20 dan gerai No. 17 telah dijadikan bilik gerakan parti pada PRU 13 lalu walaupun telah diberi amaran.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan/
Jabatan Penguatkuasa

(Minit dipindahkan ke Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan)

TUAN ABDUL AZIZ BIN AHMAD**4.4.6 PENIAGA HARAM**

Beliau memaklumkan peniaga baru tanpa lesen bertambah di hadapan sekolah di Taman Kosas. Beliau meminta supaya peniaga-peniaga ini ditempatkan di

lokasi yang sesuai dan dilesenkan dan keutamaan kepada peniaga yang tinggal sekitar Ampang sahaja.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

(Minit dipindahkan ke Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan)

TUAN AHMAD SABRI BIN ABU BAKAR

4.4.7. PAPAN TANDA LARANGAN

Mohon pemasangan papan tanda larangan dipasang di laluan tangga di cerun Lot 541 dan di Jalan BU 2/1 dan BU 2/5 kerana sering terdapat anak muda dan remaja bermain di kawasan tersebut.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

5.0 PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbangkan dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan.

Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
16MEI2013

LAMPIRAN 1

**PERANCANGAN PROGRAM KARNIVAL MPAJ 21
SEMPENA SAMBUTAN ULANGTAHUN MPAJ YANG KE 21**

Bil	Aktiviti	Lokasi	Cadangan Tarikh
1	Perlawanan sepak takraw (diuruskan oleh PeBT)	Padang Perbandaran	2 Jun 2013
2	Pertandingan bola jaring (diuruskan oleh MPAJ)	Gelanggang bola jaring	9 Jun 2013
3	Pertandingan futsal (diuruskan oleh MPAJ)	Gelanggang Futsal JPS	9 Jun 2013
4	Pertandingan bola Keranjang 3 on 3 (diuruskan oleh PeBT)	Kg Baru Ampang Cina	15 Julai 2013
5	Pertandingan gusti lengan (Diuruskan oleh Persatuan Gusti Lengan)	Amphiteater	22 Jun 2013
6	Pertandingan memasak sempena Hari Bapa (Diuruskan oleh MPAJ)	Menara MPAJ	23 Jun 2013
7	Pemeriksaan kesihatan secara percuma, Demo resepi sihat (Diuruskan oleh Hospital Pantai)	Lobi Aras 4 Galeri	25 Jun 2013
8	Gerai Belia usahawan (Diuruskan oleh MPAJ)	Menara MPAJ	25 Jun 2013
9	Pertandingan menghias kek (Butter Cream & Foundant) (Diuruskan oleh MPAJ)	Menara MPAJ	29 Jun 2013
10	MPAJ'21 Funride (diuruskan oleh pihak TEKAS)	Sekitar Pandan Indah	30 Jun 2013
11	Majlis Bacaan Yassin dan sambutan kedatangan ramadhan (Diuruskan oleh KSKK)	Galeri	5 Julai 2013
12	Pertandingan melukis poster (diuruskan oleh MPAJ)	Galeri	6 Julai 2013
13	Pertandingan melukis dan mewarna (diuruskan oleh MPAJ)	Galeri	6 Julai 2013
14	Pertandingan Mountain Bike siri 2/2013	AU2	7 Julai 2013
15	Pertandingan tarian sekolah-sekolah tadika (diuruskan oleh MPAJ)	Auditorium	9 Julai 2013

LAMPIRAN 2

**STATISTIK PEMERIKSAAN PREMIS MAKANAN
MENGIKUT KATEGORI DAN GRED BAGI TAHUN 2013 SEHINGGA
30 APRIL 2013**

BIL	KATEGORI	JUMLAH KESELURUHAN PREMIS AKTIF	GRED			BIL KOMPAUN	
			A	B	C	9 (f)	47(1)(d)
1.	RESTORAN	671	67	71	48	9	4
2.	MEDAN SELERA	158	8	18	8	-	-
3.	GERAI STATIK	91	16	23	36	2	2
4.	KANTIN	54	1	6	2	-	-
5.	UPEN	51	7	21	19	4	1
6.	BOT	82	26	36	20	-	-
JUMLAH		1107	125	175	133	15	7

$$\frac{125 \text{ (Gred A)} + 175 \text{ (Gred B)}}{433} \times 100 \\ = 69\%$$

**4.2
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM
BIL.05/2013**

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL 05/2013**

**LAPORAN JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR
DAN KEMUDAHAN AWAM**

1. TUJUAN

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil. 05/2013 telah diadakan pada 15 Mei 2013 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

**3. MESYUARAT MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BERBANGKIT
SEPERTI BERIKUT :**

**3.1. KAJIAN PENYELESAIAN TRAFIK DI JALAN DAGANG DAN SUSUR
MASUK BALAI POLIS AMPANG**

Pihak JKR masih menunggu peruntukan untuk membina lampu isyarat di Jalan Dagang dan susur masuk ke Balai Polis Ampang dan kerja-kerja dijangka akan dilaksanakan dalam tahun ini.

**Tindakan :
JKR Hulu Langat**

3.2. KAJIAN ALIRAN TRAFIK

Pihak Jabatan akan mengeluarkan sebutharga kerja pada bulan Mac 2013 bagi cadangan projek mengatasi masalah aliran trafik di hadapan Masjid Bandar Baru Ampang dan Flat Sri Nilam melalui peruntukan SELANGORKU. Walau bagaimana pun jabatan masih belum menerima peruntukan untuk melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf tersebut.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

3.3. MENAIKTARAF JALAN SUSUR DI MRR2 (BERHAMPIRAN JALAN F KG PANDAN)

Pihak JKR memaklumkan masih belum menerima sebarang peruntukan daripada Kementerian Kerja Raya bagi kerja-kerja penambahbaikan di jalan susur di MRR2 (berhampiran Jalan F Kg Pandan).

Kertas cadangan bagi kerja-kerja bagi permohonan menaiktaraf Jalan F, sepanjang jalan dari simpang MRR2 hingga simpang Jalan B, Kg. Pandan akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam yang akan datang oleh Jabatan Kejuruteraan. Walau bagaimanapun, kerja-kerja tampalan dilaksanakan dari masa ke semasa. Pengerusi meminta jabatan supaya menyemak keperluan kerja ditapak dan sekiranya kritikal untuk pembaikan jabatan disyorkan untuk menggunakan peruntukan MARRIS.

**Tindakan :
JKR Ibu Pejabat/Jabatan Kejuruteraan**

3.4. TURAP JALAN

Kerja-kerja dalam tindakan kontraktor dan dijangka siap pada 30 Mei 2013 bagi lokasi berikut:

- a) Di Jalan Kosas Utama 2 dari 'BP Station' sehingga ke Sekolah Menengah Taman Kosas.
- b) Di Jalan Utama Taman Bukit Indah hingga Taman Kosas iaitu dari pasar pagi Kg Tengah sehingga Dewan Taman Ampang Indah.

Makluman**3.5. TURAP JALAN**

Kerja-kerja penurapan jalan di Jalan Bunga Tanjung 7, Jalan Bunga Mawar 4, Jalan Teratai 1 / 2 serta Jalan Bunga Mawar 2 dalam tindakan kontraktor dan dijangka siap pada 30 Mei 2013.

Makluman**3.6. TURAP JALAN**

Kerja-kerja turapan jalan dilaksanakan di Jalan Nirwana 36, Taman Nirwana akan dilaksanakan oleh pihak pemaju Sri Seltra Sdn.Bhd.

Makluman

3.7. TAMPAL JALAN DI TAPAK PARKIR MASJID NURUL HIDAYAH KG PANDAN DALAM

Pihak jabatan akan melaksanakan kerja-kerja tampalan jalan di tapak parkir Masjid Nurul Hidayah Kg Pandan Dalam.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

3.8. JALAN ROSAK DAN BERLUBANG

Kerja-kerja tampalan jalan berlubang di Jalan Bunga Tanjung 8, Taman Muda telah dilaksanakan oleh jabatan.

Makluman

3.9. PERMOHONAN PEMBAHAGI JALAN DAN TANDA ARAH JALAN

Kerja-kerja pembinaan pembahagi jalan dan tanda arah jalan di Jalan Bukit Indah 5 hadapan kawasan rumah kedai kerana terdapat kenderaan yang masuk bertentangan arah jalan akan dilaksanakan pada bulan Mei 2013.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

3.10. PEMBAIKAN JALAN DI JALAN BUKIT INDAH UTAMA

Kerja-kerja penampalan jalan berlubang di Jalan Bukit Indah Utama telah dilaksanakan pada 2 Mei 2013.

Makluman

3.11. MASALAH BANJIR DI TAMAN SERAYA

Pihak Jabatan Kejuruteraan telah memohon peruntukan Selangorku bagi projek mengatasi banjir di sekitar Jalan 5 dan Jalan 8 serta di Jalan Bunga Cempaka 19A tetapi masih belum menerima maklumbalas daripada MBI.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

3.12. HAKISAN TEHING SUNGAI KERAYONG

Wakil JPS Hulu Langat memaklumkan, pihak sedang memohon kelulusan peruntukan untuk mengatasi masalah hakisan tebing Sungai Kerayong yang berlaku di Jalan 29/1 Taman Putra. Lawatan tapak juga telah dibuat dan tindakan akan diambil dalam tempoh sebulan. Kerja-kerja penyelenggaraan dilaksanakan pada awal bulan April 2013.

Tindakan:
JPS Hulu Langat

3.13. KEJADIAN BANJIR DI JALAN F TAMAN MELAWATI

Jabatan telah menghantar surat makluman susulan kepada pihak JPS pada 16 April 2013 berkaitan kejadian banjir yang berlaku disebabkan halangan dari pembinaan perangkap sampah di 'monsun drain' berhampiran di Jalan F Taman Melawati untuk tindakan selanjutnya.

Tindakan :
JPS Gombak

3.14. MASALAH BANJIR DI FLAT KOS RENDAH PANDAN MEWAH

Mesyuarat dimaklumkan bahawa longkang berdekatan Flat Pandan Mewah yang tidak dapat menampung air setiap kali hujan dan berlaku banjir terletak di bawah kawasan berstrata dan di bawah seliaan pihak JMB.

**Tindakan :
Bahagian COB**

3.15. KEJADIAN BANJIR KILAT

Kos penggantian palung untuk mengatasi masalah banjir kilat di sekitar Jalan 1D, Kg. Lembah Jaya Selatan melebihi kos kerja segera. Jabatan akan mencadangkan kerja-kerja sebutharga.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

3.16. KEPERLUAN `SPEED BREAKER`

Pihak JKR sedang dalam penyediaan proses sebutharga bagi kerja- kerja meletakkan `speed breaker` di simpang jalan ke Jalan Cempaka 8 (simpang ke Petronas dan Caltex) kerana kenderaan dari Taman Dagang terlalu laju.

**Tindakan :
JKR Hulu Langat**

3.17. PERMOHONAN BONGGOL

Kerja-kerja penyediaan bonggol di lokasi-lokasi seperti berikut dalam proses permohonan kelulusan.

- i. Lorong 1/1C Kg Seri Taman Baru Tasek Tambahan

- ii. Lorong 1/1A Kg Seri Taman Baru Tasek Tambahan (2 unit)
- iii. Lorong 2/1A Kg Seri Taman Baru Tasek Tambahan (2 unit)
- iv. Jalan 1/2 Kg Seri Taman Baru Tasek Tambahan (3 unit)

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

3.18. MOHON BINA BONGGOL SEBELUM SIMPANG JALAN RIVERIA

Semakan jabatan mendapati permohonan pembinaan bonggol sebelum simpang Jalan Riveria yang juga merupakan Jalan Bunga Raya adalah di bawah seliaan pihak JKR. Pihak JKR memaklumkan lokasi tersebut tidak boleh di bina bonggol. Walau bagaimana pun pihak JKR akan menyediakan speed breaker di kawasan tersebut.

Makluman

3.19. KEPERLUAN 'RAILING'

Pihak JKR sedang dalam penyediaan sebutharga untuk kerja-kerja meletakkan 'railing' di selekoh masuk ke Jalan Cempaka dari MRR2 (Taman Bakti). Kerja-kerja akan mula dilaksanakan pada bulan Jun 2013.

**Tindakan :
JKR Hulu Langat**

3.20. WALKWAY' BERBUMBUNG BERTENTANGAN PASAR PAGI TAMAN MUDA

Pihak JKR tidak bertanggungjawab terhadap isu pembinaan "walkway" berbumbung bertentangan pasar pagi Taman Muda. Jabatan akan meminta pandangan dari ADUN kawasan yang baru dilantik berhubung isu ini.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

3.21. PEMBAIKAN LONGKANG

Semakan yang dijalankan terhadap aduan kerosakan longkang di Jalan Bunga Tanjung 10 Taman Muda mendapati ianya berkaitan aliran padang (subsoil drain). Tindakan selanjutnya oleh Jabatan Belia dan Masyarakat.

Tindakan :
Jabatan Belia dan Masyarakat

3.22. PENYELENGGARAAN SUNGAI KONGSI 8

Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan Sungai Kongsi 8 di Taman TAR akan dilaksanakan oleh pihak JPS Gombak. Pihak JPS telah menyediakan dokumen sebutharga untuk kerja-kerja tersebut dan dijangka diiklankan pada bulan April 2013. Jabatan diminta untuk menyelaras seterusnya menyelesaikan perkara ini dengan pihak JPS.

Tindakan :
JPS Gombak/Jabatan Kejuruteraan

3.23. LONGKANG PECAH

Semakan jabatan mendapati lokasi aduan longkang pecah di no. 49, Jalan 5 Pandan Mewah tidak ditemui. Jabatan telah menghubungi pihak JKP untuk mengenalpasti lokasi sebenar.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

3.24. HAKISAN TANAH

Jabatan Kejuruteraan memaklumkan kerja-kerja pembaikan hakisan tanah di Riana Ukay dan Kg Sering Ukay dalam tindakan kontraktor dan dijadualkan siap dalam tempoh 6 minggu dari tarikh mula kerja pada 19 April 2013.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

3.25. TEBING RUNTUH

Jabatan sedang membuat permohonan untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan tebing runtuh (monsun drain) di Jalan Enggang 13 melalui peruntukan Geran Selangorku.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

3.26. LAMPU JALAN

Pihak JKR masih menunggu peruntukan dari persekutuan untuk kerja-kerja pemasangan lampu jalan di Jalan Langat dari Tasek Tambahan ke Menara Tinjau kerana kawasan tersebut gelap. JKR memaklumkan kos untuk menyediakan lampu jalan mencecah RM 3 juta. Jabatan akan membuat penyelarasan semula bersama pihak JKR untuk sebahagian lampu-lampu jalan yang akan diselenggara oleh pihak Majlis.

**Tindakan :
JKR Hulu Langat/Jabatan Kejuruteraan**

3.27. PERMOHONAN LAMPU LIMPAH

Kerja-kerja untuk memasang lampu limpa tambahan di padang permainan di Jalan Kosas 2/6, Taman Kosas Fasa 2 dan di padang permainan Jalan Indah 3/7, Taman Ampang Indah Fasa 3 telah dilaksanakan pada 22 April 2013.

Makluman**3.28. KEPERLUAN LAMPU JALAN DI TAMAN MESTIKA**

Mesyuarat dimaklumkan keperluan tambahan lampu jalan di Taman Mestika adalah dibawah tanggungjawab pihak MC. Surat makluman telah dikemukakan kepada pihak MC untuk tindakan.

**Tindakan :
Bahagian COB****3.29. TIANG LAMPU DI TAPAK PARKIR KERETA DI JALAN CEMPAKA**

Kerja-kerja menyediakan tiang lampu di tapak parkir kereta di Jalan Cempaka 14, Taman Cempaka sedang dalam proses permohonan kelulusan oleh jabatan.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan****3.30. LAMPU JALAN TIDAK BERFUNGSI**

Kerja-kerja pembaikan lampu jalan di Jalan Merdeka berhadapan Rumah Orang Tua dan di Jalan 3/1 berhadapan Sunrise Park Apartment dalam tindakan kontraktor dan dijangka siap pada 19 Mei 2013.

Makluman

3.31. HALANGAN LALUAN KE PANGSAPURI SRI HIJAUAN

Halangan pagar yang dibina oleh penduduk Pangsapuri Sri Puteri adalah di luar kawasan JMB telah dibuka. Halangan yang terdapat di Jalan UP 2/1 juga telah dialihkan dan jalan tersebut dibuka untuk laluan awam.

Pihak pemaju perlu meminda pelan pra hitungan sekiranya dewan tersebut adalah milik Pangsapuri Sri Hijauan dan perlu menyediakan tapak gantian dewan untuk penduduk di Ukay Perdana. Surat pemakluman kepada pemaju Ukay Land Sdn.Bhd. telah dikemukakan pada 26 Februari 2013.

Pihak COB juga diminta membuat semakan untuk laluan masuk yang lebih sesuai untuk kemasukan dari luar tanpa melalui kawasan pangsapuri tersebut.

Tindakan :
Jabatan Perancang Bandar/Bahagian COB

3.32. LORONG TEPI RUMAH YANG BERPAGAR

Lorong tepi rumah antara rumah No. 21 dan 23 Jalan Melur 11, Taman Melur telah dipagar dan dijadikan hak individu oleh pemilik rumah. Notis kedua bertarikh 02.05.2013 telah dihantar dan telah tamat pada 09.05.2013. Surat pemberitahuan terakhir akan dikeluarkan dan kertas siasatan akan dipanjangkan ke Jabatan Undang-Undang.

Tindakan :
Jabatan Bangunan dan Senibina/
Jabatan Undang-undang

3.33. BINA PAGAR DI TANAH PERKUBURAN

Kerja-kerja pembinaan pagar di Tanah Perkuburan Islam Cheras Baru telah dilaksanakan pada 30 April 2013.

Makluman

3.34. CANTAS POKOK

Kerja-kerja cantasan pokok-pokok besar di sekeliling Flat Ampang Hilir iaitu di Jalan Hilir 4 telah dilaksanakan.

Makluman**3.35. CANTAS POKOK DI TAMAN SRI WATAN**

Semakan jabatan mendapati pokok di sekitar gerai UPEN dan tepi padang bola sepak Taman Sri Watan masih dalam keadaan stabil dan pemantauan dari masa ke semasa akan dilaksanakan.

Makluman**3.36. MENAIKTARAF PADANG DI TAMAN SRI WATAN**

Kerja-kerja menambak pasir untuk mengatasi air bertakung di padang Taman Sri Watan telah dilaksanakan .

Makluman**3.37. LALUAN TREK JOGGING**

Kerja-kerja pembaikan laluan trek jogging di kawasan lapang Flat Pandan Indah 3/3 berhampiran Dewan Orang Ramai telah dilaksanakan.

Makluman**3.38. PEMBAIKAN TAMAN PERMAINAN**

Kerja-kerja penyelenggaraan taman permainan dan kemudahan gelanggang serta pagar di padang Jalan 1/9 Taman Dagang dalam tindakan jabatan dan dijangka selesai pada bulan Mei 2013.

Tindakan :
Jabatan Belia dan Masyarakat

3.39. TAMBAKAN PASIR DI PADANG BOLA JALAN H KG. PANDAN

Kerja-kerja menambak pasir di padang bola di Jalan H, Kg. Pandan Dalam kerana lokasi tersebut sering menjadi takungan apabila musim hujan lebat sedang dalam tindakan jabatan.

Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat

3.40. PENYELENGGARAAN KAWASAN LAPANG

Pihak TNB telah mengadakan lawatan tapak bagi kawasan lapang di bawah kabel TNB di sekitar Lorong Enggang 15 dan Jalan Enggang Timur 1 yang ditumbuhinya semak samun dan belukar. Pihak TNB akan menjalankan tindakan pembersihan di kawasan tersebut.

Tindakan :
TNB

3.41. PENYELENGGARAAN DI PENCAWANG ELEKTRIK TNB

Penyelenggaraan pencawang-pencawang elektrik TNB di sekitar Taman Keramat terutama di AU 1B, AU 1A, AU 3/1 Keramat Permai perlu dilaksanakan memandangkan kebanyakannya pencawang telah dipenuhi rumput dan memberi pemandangan yang tidak elok seterusnya mencemarkan imej Majlis. Pihak TNB akan memastikan penyelenggaraan dilaksanakan di lokasi seperti yang dinyatakan.

Tindakan :
TNB

3.42. SEMAK SAMUN DI JALAN MASUK KE CHERAS HARTAMAS

Semakan jabatan mendapati tanah yang berkeadaan semak samun ke jalan di laluan masuk ke Cheras Hartamas adalah milik CL Mall Sdn.Bhd. Notis untuk kerja pembersihan telah dikeluarkan pada 12 Mac 2013 dan sekiranya tiada maklumbalas dari pemilik tindakan pembersihan akan dilaksanakan oleh pihak majlis pada 15 Jun 2013 (Mengikut pelan tindakan Jun 2013)

Tindakan :
Jab. Perkhid. Perbandaran dan Kesihatan

3.43. SEMAK SAMUN BERSEBELAH SEKOLAH RENDAH PANDAN INDAH

Semakan jabatan mendapati tanah yang bersemak samun bersebelahan Sekolah Rendah Pandan Indah merupakan tanah rezab sekolah. Notis untuk pembersihan telah dikeluarkan pada 1 April 2013 dan sekiranya tiada maklumbalas dari pemilik tindakan pembersihan akan dilaksanakan oleh pihak majlis pada 2 Jun 2013 (Mengikut pelan tindakan Jun 2013)

Tindakan :
Jab. Perkhid. Perbandaran dan Kesihatan

3.44. PEMBERSIHAN KAWASAN TEPI SUNGAI

Semakan jabatan mendapati kawasan tepi sungai di belakang kuarters Sekolah Rendah Pandan Indah merupakan rezab JPS. Notis untuk pembersihan telah dikeluarkan pada 1 April 2013.

Tindakan :
JPS Hulu Langat

3.45. MENUTUP TEMPAT PEMBUANGAN SAMPAH

Pihak pengurusan sedang mencari dana untuk mendirikan 'boomgate' di laluan masuk jalan yang menjadi tempat pembuangan sampah haram di Flat Pandan Indah 3/6 berhampiran rumah teres Jalan 3/6. Jabatan telah mengeluarkan surat kepada pihak LT untuk mendirikan boomgate di lokasi tersebut.

Mesyuarat dmaklumkan program pendidikan kepada masyarakat berkenaan kaedah pembuangan sampah dengan cara yang betul disampaikan semasa perjumpaan dengan penduduk dan semasa Mesyuarat Agung JMB.

**Tindakan :
Bahagian COB**

3.46. PEMBUANGAN SAMPAH HARAM DI PANDAN UTAMA

Pihak jabatan dalam proses pembelian papan tanda 'Dilarang Membuang sampah' untuk diletakkan di lokasi pembuangan sampah haram di kawasan rumah kedai Pandan Utama Fasa 1.

**Tindakan :
Jab. Perkhid. Perbandaran dan Kesihatan**

3.47. RUMAH SAMPAH BERBAU BUSUK DI FLAT PANDAN UTAMA

Semakan jabatan bersama pihak Jabatan Bangunan dan Senibina pada 13 Mei 2013 berhubung isu rumah sampah yang terletak di Flat Pandan Utama supaya dapat dialihkan ke lokasi yang lebih sesuai kerana keadaan rumah sampah yang telah uzur dan rosak mendapati tiada lokasi yang bersesuaian di sekitar kawasan flat. Jabatan mencadangkan supaya rumah sampah tersebut dapat dinaiktaraf.

**Tindakan :
Jab. Perkhid. Perbandaran dan Kesihatan**

3.48. TONG KITAR SEMULA TANPA KEBENARAN

Mesyuarat dimaklumkan satu mesyuarat penyelarasan bersama operator tong kitar semula akan diadakan pada 21 Mei 2013.

Tindakan :
Jab. Perkhid. Perbandaran dan Kesihatan

3.49. SAMPAH SARAP DI MEDAN SELERA ANGSANA HILIR KG. PANDAN

Kerja-kerja kutipan sampah sarap bertaburan di sekitar Medan Selera Angsana Hilir Kg. Pandan dilaksanakan mengikut jadual. Bagi permohonan penyediaan tong sampah, perkara ini telah dipanjangkan ke Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta.

Tindakan:
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.50. LONGKANG TERSUMBAT

Kerja-kerja pembersihan longkang di Gerai PLB Jalan A Kg. Pandan dilaksanakan mengikut jadual. Pembersihan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana keadaan longkang yang bersimen.

Makluman**3.51. MOHON PAGAR DI DEWAN ORANG RAMAI JALAN 3/3**

Semakan jabatan mendapati permohonan Ahli Majlis berkaitan pembinaan pagar di sekitar Dewan Orang Ramai Jalan 3/3 Pandan Indah tidak bersetujuan memandangkan struktur bangunan berada di tengah kawasan lapang yang digunakan oleh penduduk sekitar.

Makluman**3.52. PERMOHONAN MENGADAKAN PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK**

Pihak jabatan telah menghantar permohonan bagi mengadakan tempat pusat jagaan kanak-kanak di Taman Cheras Hartamas kepada pihak Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat untuk mewartakan tapak tersebut sebagai rezab tadika. Jabatan sentiasa menghubungi pihak yang terlibat untuk mendapatkan maklumbalas berhubung status permohonan dari masa ke semasa.

Tindakan :
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.53. SETINGGAN DI KG MUHIBBAH

Semakan Jabatan Perancang Bandar melalui pihak PTD Hulu Langat pada 26 Mac 2013 mendapati status tanah di Jalan Sri Idaman, Kg. Muhibbah di mana terdapat 4 buah setinggan yang didiami oleh warga asing (Indonesia) adalah tanah kerajaan. Pejabat tanah dan Daerah Hulu Langat akan melaksanakan tindakan penguatkuasaan.

**Tindakan :
PTD Hulu Langat**

3.54. PEMBINAAN TANGKI AIR

Semakan telah dibuat dan mendapati meter individu telah dipasang oleh pihak pemaju di Taman Pandan Utama, Kg Pandan fasa 1 dan 2 dan ke atas 3 buah rumah di tapak tangki air di Jalan E, Kg Pandan Dalam.

**Tindakan :
Jabatan Bangunan dan Senibina**

3.55. ISU PEMBINAAN TEMBOK DI TAMAN SERAYA

Berhubung isu pembinaan tembok keselamatan di hujung Jalan Bunga Melati 1 dan 3 Taman Seraya. Pihak Majlis telah mengarahkan pemohon untuk mendapatkan kebenaran dari Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat. Selain itu, pemilik rumah tersebut diminta melantik jurutera bertauliah untuk membuat pengesahan kekukuhkan struktur tersebut. Pemilik rumah tersebut juga diminta mengemukakan surat tanggungjawab terhadap apa-apa yang berlaku terhadap tembok tersebut.

Jabatan memaklumkan sehingga kini pemilik masih belum mengemukakan sebarang maklumbalas dan dokumen seperti yang dikehendaki oleh jabatan.

Tindakan :
Jabatan Bangunan dan Senibina/
Jabatan Kejuruteraan

3.56. AIR MASUK KE DALAM DEWAN TERUTAMA MUSIM HUJAN DI DEWAN MPAJ KG CHERAS BARU

Mesyuarat dimaklumkan hasil semakan tapak oleh Jabatan Kejuruteraan cadangan untuk membina kolam tadahan tidak bersesuaian kerana ketiadaan tanah. Cadangan jabatan adalah membina longkang permukaan bagi mengalirkan air larian dan pada dinding tembok longkang dibina lubang air bagi air mengalir dengan baik. Sebahagian longkang-longkang di kawasan tersebut juga perlu dinaiktaraf bagi sistem perparitan berjalan lancar. Pihak Jabatan dimohon menyediakan bajet bagi kerja-kerja tersebut.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

3.57. SALURAN PAIP MASUK KE LONGKANG

Kerja-kerja mengalihkan paip berwarna hitam yang keluar dari tanah dan disalurkan ke longkang depan jalan Dagang 1/11, Taman Dagang (simpangmasuk ke Taman Dagang Fasa 1) telah dilaksanakan pada 7 Mei 2013.

Makluman

3.58. KEJADIAN PAIP PECAH

Pihak Syabas telah membaiki paip pecah di Lorong C4 Kg. Pandan dan kerosakan 'substation' TNB telah dibaiki.

Makluman**4. HAL-HAL LAIN****TUAN HAJI ALI BIN ISMAIL****4.1 PERMOHONAN PAPAN TANDA NAMA**

Beliau memohon untuk menyediakan papan tanda nama taman atau kampung seperti di bawah:-

- a) 2 lokasi di Kg Tasek Tambahan seperti berikut:
 - i. Simpang Jalan Taman Putra ke Jalan Tasek Tambahan 1
 - ii. Simpang jalan taman Putra ke Jalan Hulu Langat
- b) Kg tasik Permai di Simpang Jalan Hulu langat ke Jalan Permai 29.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

4.2 LIMPAHAN AIR KETIKA HUJAN LEBAT

Mohon jabatan berkaitan untuk mengkaji laluan air yang menyebabkan limpahan air berlaku apabila hujan lebat di Jalan Ikan Jelawat Ampang Campuran. Beliau mencadangkan supaya kajian terhadap saluran monsoon drain sedia ada dibuat.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

4.3 KAWASAN TERNAKAN DI LERENG JALAN

Terdapat kawasan lereng jalan di Jalan Hulu langat yang dijadikan kawasan ternakan haiwan seperti rusa, kambing, ayam dan sebagainya.

**Tindakan:
Jabatan Penguatkuasa**

PUAN WAN HASRINA BINTI WAN HASSAN**4.4 ISU PEMBINAAN SEKOLAH KEBANGSAAN UKAY PERDANA**

Beliau memohon penjelasan berkenaan status pembinaan Sekolah Kebangsaan di Ukay Perdana. Jabatan memaklumkan projek pembinaan tersebut adalah di bawah seliaan pihak Jabatan Pendidikan dan Pelajaran Daerah. Majlis hanya dimaklumkan berkenaan pembinaan tersebut dan memberi ulasan teknikal sekiranya diperlukan. Terdapat isu berkaitan kecerunan tanah di kawasan pembinaan tersebut dan pihak JKR telah diminta untuk melaksanakan kerja-kerja pengukuhan di tapak.

**Tindakan:
JKR Gombak/Jabatan Kejuruteraan**

4.5 ISU PEMBAIKAN RUMAH SAMPAH DI UKAY PERDANA

Berkenaan isu pembaikan rumah sampah di Ukay Perdana masih belum selesai sehingga kini. Mohon tindakan segera diambil.

**Tindakan:
Bahagian COB/Jab
Perkhid. Perbandaran dan Kesihatan**

TUAN ABDUL JALIL BIN HASAN**4.6 LONGKANG TERSUMBAT**

Longkang tersumbat dan kotor di Jalan 1/3D Pandan Indah berhadapan kedai SkyNet mohon diambil tindakan segera.

**Tindakan:
Jab. Perkhid. Perbandaran dan Kesihatan**

4.7 PENYELENGGARAN JALAN YANG DIPENUHI LALANG

Jalan yang menghubungkan Jalan 2/10 Pandan Indah dengan Jalan Bunga Matahari 1 perlu diselenggara dengan betul. Jalan tersebut telah dipenuhi rumput dan lalang.

**Tindakan:
Jab. Perkhid. Perbandaran dan Kesihatan**

4.8 CANTAS POKOK

Mohon pokok-pokok yang melindungi lampu-lampu di Jalan Pandan Ilmu dicantas.

**Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat**

4.9 MOHON PEMBINAAN 'RAILING'

Beliau memohon untuk dibina 'railing' di sepanjang Jalan Pandan Ilmu kiri dan kanan jalan bagi menjaga keselamatan pejalan kaki.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

4.10 PEMASANGAN IKLAN DAGING KHINZIR

Terdapat poster iklan haram penjualan daging khinzir yang digantungkan di sekitar Taman Muda.

Tindakan:
Jabatan Pelesenan

TUAN AHMAD FAUZI BIN MOHD KAMIS**4.11 PENYELENGGARAAN LONGKANG DI LORONG-LORONG KG PANDAN DALAM**

Keseluruhan longkang di lorong-lorong Kg Pandan Dalam perlu dibersihkan dan dijalankan kerja-kerja penyelenggaraan kerana keadaan longkang yang kotor dan rosak. Pengerusi meminta jabatan menyemak kos bagi penyelenggaraan longkang di kawasan tersebut dan sekiranya perlu untuk mewujudkan peruntukan khas.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

4.12 PERMOHONAN CAT BONGGOL

Beliau memohon untuk kerja-kerja mengecat bonggol di hadapan surau Al Falah Taman Cempaka.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

TUAN LIM FONG LEN**4.13 PEMBAIKAN BAHU JALAN**

Mohon kerja-kerja pembaikan bahu jalan di Jalan Bunga Melur 5A, Taman Melur.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

4.14 JALAN BERLUBANG

Jalan berlubang dan perlu pembaikan di Jalan Bunga Tanjung 8, Taman Muda (hadapan restoran)

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

4.15 CANTAS POKOK

Penduduk mohon kerja-kerja cantasan pokok di Jalan Bunga Cempaka 6a dan Jalan Bunga Mawar 5a kerana pokok tersebut dikuatir tumbang semasa hujan ribut.

Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat

4.16 PEMBAIKAN LONGKANG

Mohon kerja-kerja pembaikan longkang yang telah runtuh dan dipenuhi lalang di Jalan Bunga Cempaka 5A.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

4.17 PEMBAIKAN BONGGOL

Bonggol di Jalan Bunga Mawar 5A telah rosak dan mohon dibaiki.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

4.18 JALAN BERLUBANG

Jalan berlubang di Jalan Bunga Cempaka 4 dan Jalan Bunga Cempaka 14 mohon dibaiki.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

4.19 'MANHOLE' MENDAP

Terdapat 'manhole' yang telah mendap di kawasan lampu isyarat ke Jalan Bunga Mawar 2 (hadapan pasar pagi Taman Muda).

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

TUAN MOHAMAD BIN SAMAT

4.20 TURAP JALAN

Mohon turap semula jalan di kawasan tempat letak kereta di Pangsapuri Anggerik Bukit Permai 2.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

4.21 MOHON LAMPU LIMPAH

Mohon lampu limpa di taman permainan kanak-kanak di kawasan padang Jalan Bunga Melati 12, Taman Seraya Ampang.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

4.22 LONGKANG TERSUMBAT

Longkang bawah tanah tersumbat kerana didapati dihalangi oleh kabel utiliti yang merentangi longkang tersebut di Jalan Teratai 1/2E Taman Bukit Teratai.

Tindakan:
Jab. Perkhid. Perbandaran dan Kesihatan

4.23 PEMBAIKAN LONGKANG

Longkang rosak di belakang Jalan Melur 35, Taman Melur (bersempadan dengan kawasan pembangunan Syarikat Bumi Bakti) mohon dibaiki.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

4.24 HAKISAN TANAH DAN LUBANG BESAR

Terdapat hakisan tanah dan lubang besar di kawasan cerun di Pangsapuri Anggerik Bukit Permai. Mohon semak dan tindakan yang sewajarnya.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

TUAN HJ MAT JUSOH BIN DOLLAH**4.25 JALAN ROSAK**

Jalan rosak dan teruk di Jalan Permai 1, Kg Ampang Indah mohon dibaiki.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

4.26 LONGKANG PECAH

Longkang pecah di lorong belakang antara Jalan Dagang 3A dan Jalan Dagang 2, Taman Dagang Jaya mohon dibaiki.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

4.27 LAMPU JALAN TIDAK MENYALA

Lampu jalan tidak menyala di jalan masuk ke Lembah Jaya Selatan. Mohon dibaiki.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

4.28 TANGKI AIR PECAH DI FLAT AMPANG SAUJANA

Beliau memaklumkan terdapat tangki air pecah di Flat Ampang Saujana. Pihak Jabatan telah meminta bantuan pihak Syabas untuk meletakkan tangki air statik di situ.

**Tindakan:
Bahagian COB**

TUAN WONG KHAI PUN**4.29 RUMPUT PANJANG**

Rumput dan lalang panjang di sekeliling Dewan orang ramai di Taman Muda (zon 18) mohon dipotong dan diselenggara dari masa ke semasa.

Tindakan:
Jab. Perkhid. Perbandaran dan Kesihatan

4.30 MOTOSIKAL BURUK

Terdapat motosikal buruk dan mohon dialihkan di pintu pagar utama Dewan Orang Ramai Taman Muda.

Tindakan:
Jabatan Penguatkuasa

4.31 TURAP JALAN

Mohon kerja-kerja turapan jalan dilaksanakan di Lembah Maju (hadapan rumah teres 2 tingkat). Senarai lokasi telah diserahkan ke jabatan berkaitan untuk tindakan.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

4.32 KEDAI SEMBUR CAT

Terdapat kedai cat yang beroperasi di lorong belakang antara Lorong 6/5 dan 6/6 serta antara Lorong 6/4 dan 6/6 Pandan Indah Commercial Park yang menjalankan aktiviti semburan cat sehingga terkena pada kenderaan yang diletakkan berhampiran serta mengakibatkan kacau ganggu pencemaran kepada penduduk sekitar.

Tindakan:
Jabatan Penguatkuasa

TUAN SUPIRAMANY A/L SINNAPAYAL**4.33 PERMOHONAN BONGGOL**

Mohon disediakan 2 bonggol di Jalan 49 (berhampiran Apartment Glenview Villa) menuju ke pejabat JKP kerana banyak kenderaan dipandu dengan laju.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

4.34 LAMPU TIDAK MENYALA

Lampu tidak menyala dan jalan berlubang di Jalan Besar Kg. Cheras Baru.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

4.35 TANAH LAPANG TIDAK DISELENGGARA

Mohon pihak pemaju membersihkan tanah lapang yang telah bersemak samun di sebelah Apartment Glenview Villa. Kawasan tersebut juga telah dijadikan tapak pembuang sampah haram.

Tindakan:
Jab. Perkhid. Perbandaran dan Kesihatan

4.36 MOHON TUKAR TIANG LAMPU

Beliau memohon supaya tiang lampu lama (tiang kayu) di Kg. Cheras Baru ditukar ke tiang lampu baru jenis berkarbonise yang berlelengan.

Tindakan :
TNB

PUAN SIAN KENG ENG**4.37 BENDERA PARTI**

Terdapat bendera parti yang dipacakkkan di atas pokok dan masih tidak diturunkan lagi di Jalan Cheras Hartamas dan Jalan Bukit Segar Jaya.

Tindakan:
Jabatan Penguatkuasa

4.38 PEMBUKAAN JALAN

Pihak JP Zon 24 tidak bersetuju di atas pembukaan jalan dari markas tentera ke Jalan Cheras Hartamas (berhadapan pangaspuri Kempas) kerana pada setiap pagi penduduk mengambil masa yang lama untuk keluar dari Jalan Cheras Hartamas. Mohon semakan semula aliran trafik di jalan tersebut.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

4.39 POKOK MATI

Terdapat pokok mati di taman permainan tepi Pangaspuri Kempas dan mohon dibersihkan.

Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat

4.40 PEMBAIKAN BAHU JALAN DAN LONGKANG

Bahu jalan dan longkang di tepi Pangaspuri Cengal perlu dibaiki. Mohon jabatan berhubung dengan pihak JMB iaitu Puan Selina di talian 016-2870778.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

4.41 PENYELENGGARAAN LONGKANG

Longkang yang melintangi Jalan Cheras Hartamas berhampiran pangaspuri Kempas telah dipenuhi daun-daun kering. Penutup longkang juga didapati telah mendap.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

4.42 TURAP JALAN

Mohon supaya kerja-kerja penurapan dibuat semula di Jalan Cheras Hartamas kerana akibat aliran trafik berat yang menyebabkan kerosakan pada jalan tersebut.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

4.43 SEMAK SAMUN DI REZAB TNB

Kawasan semak samun di tepi Rezab TNB berhampiran Bayu Mas yang perlu diberisihkan kerana terdapat banyak ular di kawasan tersebut.

**Tindakan:
Jab. Perkhid. Perbandaran dan Kesihatan**

4.44 PENJAJA MENINGGALKAN KANOPI DAN MEJA

Kanopi dan meja yang telah rosak ditinggalkan oleh penjaja di hadapan rumah kedai Taman Bukit Segar Jaya sejak beberapa bulan dan mohon diambil tindakan.

**Tindakan:
Jab. Perkhid. Perbandaran dan Kesihatan**

4.45 PEMBAIKAN HOARDING

Hoarding yang dibina oleh pemaju 'The marks' sehingga kini masih belum dibaikpulih.

Tindakan:
Jabatan Bangunan dan Senibina

4.46 CANTAS POKOK

Mohon cantas pokok di Taman Cheras Hartamas Fasa 1. Jabatan boleh menghubungi En Lee di talian 012 341 9913.

Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat

4.47 KEROSAKAN TAPAK ZON HIJAU

Tapak zon hijau di Bukit Segar Jaya 2 dan Pangsapuri Cemara telah rosak akibat kerja-kerja yang dilaksanakan oleh pihak Maxis. Mohon tapak tersebut untuk di baik pulih semula.

Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat

4.48 ADUAN KERETA ROSAK

Terdapat beberapa buah kereta rosak dan perlu dialihkan di pangsapuri Bukit Segar. Aduan dibuat oleh Miss Ting di talian 012248 4273.

Tindakan:
Jabatan Penguatkuasa

4.49 LAMPU JALAN TIDAK MENYALA DAN TIADA PENUTUP LAMPU

Lampu jalan tidak menyala dan perlu pembaikan di lokasi tersebut:

- a) Jalan masuk ke rumah teres Taman Bukit Segar Jaya dan Pangsapuri Bukit Segar A7
- b) Jalan BJS 2 Taman Bukit Segar Jaya 1

- c) 47, Jalan BJS 3, Taman Bukit Segar Jaya (FP4R1)
- d) 66, Jalan BJS 3A, Taman Bukit Segar Jaya (FP4B1)
- e) 67, Jalan BJS 5 Taman Bukit Segar Jaya (FP4R2)
- f) 12A, BJS 6 Taman Bukit Segar Jaya (FP5Y2)
- g) Lampu di tapak permainan kanak-kanak Taman Bukit Segar Jaya
- h) 20, Jalan BSJ 6, Taman Bukit Segar Jaya (FP5B2)
- i) 42, Jalan BSJ 3A Taman Bukit Segar Jaya (FP4B1)
- j) 71, Jalan BSJ 3, Taman Bukit Segar Jaya(FP4R1)
- k) 33, Jalan BSJ 3, Taman Bukit Segar Jaya (FP5Y1)
- l) 12A, Jalan BSJ 7, Taman Bukit Segar Jaya
- m) 2, Jalan BSJ 6, Taman Bukit Segar Jaya (FP5R2)

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

4.50 JALAN BERLUBANG

Jalan berlubang dan perlu ditampal di lokasi-lokasi seperti dibawah:

- a) Jalan BJS 2, Taman Bukit Segar Jaya 1
- b) 41, Jalan BJS 3A, Taman Bukit Segar Jaya
- c) 81, Jalan BJS 3A, Taman Bukit Segar Jaya
- d) 41, Jalan BJS 5, Taman Bukit Segar Jaya
- e) 49, Jalan BJS 5, Taman Bukit Segar Jaya
- f) 52A ,Jalan BJS 5, Taman Bukit Segar Jaya
- g) 2, Jalan BJS 6, Taman Bukit Segar Jaya
- h) 39, Jalan BJS 6, Taman Bukit Segar Jaya
- g) 13, Jalan BSJ 7, Taman Bukit Segar Jaya

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

4.51 ISU DI PANGSAPURI BUKIT SEGAR A1

Mohon jabatan untuk membantu penduduk di Pangsapuri Bukit Segar A1 kerana pihak JMB di situ tidak berperanan dengan baik dan penduduk sering menghadapi masalah bil air, penyelenggaraan lif, lampu dan banyak lagi masalah di kawasan tersebut.

**Tindakan:
Bahagian COB**

4.52 LONGKANG KECIL DAN AIR BERTAKUNG

Keadaan longkang terlalu kecil dan menyebabkan air bertakung di belakang pagar Jalan BJS 2, Taman Bukit Segar Jaya, mohon diambil tindakan.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

4.53 PELEBARAN JALAN

Mohon jabatan menyemak status pelebaran jalan di persimpangan keluar Jalan Cheras Hartamas dan Jalan DBKL kerana perkara ini telah dinyatakan semasa kelulusan projek pemajuan oleh 'The Marks'.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

TUAN RAZALI BIN RAMLY**4.54 PENYELENGGARAN KAWASAN DI HADAPAN HOTEL FLAMINGO**

Beliau memaklumkan isu rumput panjang dan sampah sarap yang tidak dibersihkan di kawasan berhadapan Hotel Flamingo masih berulang. Pihak JKR memaklumkan kawasan tersebut di bawah seliaan pihak DBKL. Majlis diminta untuk menyelaraskan perkara ini bersama pihak DBKL dan JKR.

**Tindakan:
Jab. Perkhid. Perbandaran dan Kesihatan**

4.55 ISU LORONG BELAKANG DI AMPANG POINT

Terdapat beberapa isu yang perlu diambil tindakan di kawasan lorong-lorong belakang sekitar Ampang Point seperti berikut:

- i) Lorong belakang perlu pembaikan dan turapan semula kerana jalan-jalan tersebut telah rosak.
- ii) Tindakan penguatkuasaan terhadap peniaga yang menggunakan lorong belakang untuk menjalankan aktiviti perniagaan sehingga menyebabkan kacau ganggu kepada pengguna yang lain.

Tindakan:
Jab. Perkhid. Perbandaran dan Kesihatan/
Jabatan Kejuruteraan

4.56 SEMAKAN SEMULA SPESIFIKASI PEMBERSIHAN ARAW

Beliau memohon maklumbalas berkenaan status semakan semula spesifikasi pembersihan di kawasan berstrata. Jabatan memaklumkan kertas kerja telah dibuat untuk perkara tersebut dan jabatan sedang menunggu kelulusan pihak PWN untuk sebarang pindaan kerana harga baru setelah disemak melebihi 20 peratus dari harga asal sebutharga dan tender.

Tindakan:
Jab. Perkhid. Perbandaran dan Kesihatan

TUAN ABDUL AZIZ BIN AHMAD

4.57 TURAPAN JALAN DI KAWASAN BERSTRATA

Beliau meminta pihak jabatan untuk membuat permohonan kepada pihak negeri untuk membantu sebahagian pihak JMB yang kurang berkemampuan untuk menurap semula jalan-jalan di kawasan berstrata. Jabatan memaklumkan

pihak JMB boleh memohon peruntukan ADUN di bawah Geran Selangorku.

Tindakan:
Bahagian COB

4.58 JALAN BERLUBANG

Beliau memaklumkan terdapat jalan-jalan yang telah diturap di kawasan Bukit Indah telah rosak dan berlubang semula akibat kerja-kerja korekan yang dibuat oleh pihak-pihak tertentu dan kerja-kerja tampalan tidak dibuat dengan baik.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

4.59 PAIP SYABAS MELINTANGI JALAN

Terdapat paip Syabas yang melintangi jalan di hadapan Caltex Jalan Ampang dan mohon diambil tindakan segera kerana membahayakan kepada pengguna-pengguna jalan raya.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

TUAN HJ YAZID BIN ALIAS

4.60 STATISTIK ADUAN MAJLIS

Beliau memohon pihak Majlis supaya menyediakan statistik aduan yang diterima oleh Majlis kepada semua Ahli majlis mengikut zon masing-masing secara terperinci supaya Ahli Majlis dapat sama-sama membantu menyelesaikan aduan tersebut.

Tindakan:
Jabatan Perancangan Korporat

5. PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbangkan dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil 5/2013.

Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
20Mei2013



4.3
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
PELESENAN DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN
BIL.05/2013

**MESYUARAT JAWATANKUASA PELESENAN DAN
PEMBANGUNAN USAHAWAN
BIL.05/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 16 MEI 2013

MASA : 9.30 PAGI – 11.35 PAGI

TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1, TINGKAT 16,
MPAJ

KEHADIRAN AHLI MAJLIS

1. Tn. Abd. Hamid Bin Hussain (TYDP, MPAJ)	-	Pengerusi
2. Tn. Razali Bin Ramly	-	Ahli Majlis
3. Tn. Hamsah Bin Djabir	-	"
4. Pn. Sian Keng Eng	-	"
5. Pn. Cheong Chye Wah	-	"
6. Tn. Haji Abdul Jalil Bin Hasan	-	"
7. Tn Hj Meor Rtihuan Bin Muhamed Said	-	"
8. Pn. Wan Hasrina Binti Wan Hassan	-	"
9. Tn. Haji A. Yazid Bin Alias	-	"
10. Tn. Supiramay a/l Sinnapayal	-	"
11. Tn. Ho Ah Ngoh @ Ho Tze Long	-	"

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | |
|------------------------------------|---|-------------|
| 1. Y.Bhg. Dato' Mohammad Bin Yacob | - | YDP, Majlis |
| 2. Tn. Jafrien Bin Muhammad | - | Ahli Majlis |
| 3. Tn. Wong Khai Pun | - | " |

SULIT

LAMPIRAN C**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL 5/2013****LAPORAN JAWATANKUASA PELESENAN
DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN****1. TUJUAN**

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil.05/2013 telah diadakan pada 16 Mei 2013 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

**2.1 PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN
PUSAT KECANTIKAN DAN PENJAGAAN KESIHATAN**

2.1.1 Mesyuarat dikemukakan dengan permohonan pembaharuan lesen premis perniagaan Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan bagi tahun 2013.

2.1.2 Pusat kecantikan - mana-mana premis yang digunakan untuk memberikan rawatan kecantikan atau dandanan rambut tetapi tidak termasuk hospital atau klinik di mana pesakit dirawat di bawah

pengawasan pegawai perubatan yang berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971, rumah sakit, rumah orang tua atau rumah untuk pemulihan atau mana-mana establisemen lain yang sama dengannya.

- 2.1.3 Pusat penjagaan kesihatan – mana-mana premis yang digunakan untuk memberikan urutan, rawatan atau latihan kecergasan fizikal dengan atau tanpa peralatan.

Jenis rawatan :-

- Rumah urut
- Urutan tradisional
- Urutan orang kurang upaya
- Refleksologi
- Aromaterapi
- Urutan moden menggunakan alat
- Fisioterapi
- Akupuntur
- Bekam
- Sauna/spa dan jakuzi
- Aerobik / fitness centres / gymnasium
- Pusat Meditasi
- Lain-lain rawatan kesihatan

- 2.1.4 Masa operasi bagi pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan dihadkan dari pukul 10.00 pagi sehingga 1.00 pagi sahaja.

- 2.1.5 Mesyuarat bersetuju untuk meluluskan permohonan pembaharuan lesen premis perniagaan pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan oleh Reachwell

Distributor dengan syarat menjelaskan bayaran kompaun seperti di **Lampiran 1**.

2.2 PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN HIBURAN DAN TEMPAT HIBURAN PUSAT HIBURAN AWAM –PANGGUNG WAYANG

2.2.1 Mesyuarat dikemukakan dengan permohonan pembaharuan lesen hiburan dan pusat hiburan awam-Panggung Wayang bagi tahun 2013.

2.2.2 **Pawagam** bermaksud panggung wayang gambar. Masa operasi sehingga 1.00 pagi.

2.2.3. Mesyuarat bersetuju untuk meluluskan permohonan pembaharuan lesen hiburan dan tempat hiburan pusat hiburan awam – Panggung Wayang oleh Pandan Capital Cinema seperti di **Lampiran 2** .

2.3 PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN HIBURAN DAN TEMPAT HIBURAN - PUSAT HIBURAN ISTIREHAT - PUB & KAFE

2.3.1 Mesyuarat dikemukakan dengan permohonan pembaharuan lesen hiburan dan tempat hiburan – Pusat Hiburan Istirehat –Pub & Kafe bagi tahun 2013.

2.3.2 **Pusat hiburan istirehat** : ruang untuk berehat serta disediakan makan dan minum sambil diiringi oleh persembahan muzik.

2.3.3 **Kafe** bermaksud restoran atau ‘coffee house’ yang sederhana yang terdapat juga minuman beralkohol.

2.3.4 Masa operasi bagi pusat hiburan istirehat dihadkan dari pukul 4.00 petang hingga 1.00 pagi sahaja. Wang cagaran sebanyak RM10,000.00.

2.3.5 Mesyuarat bersetuju untuk meluluskan permohonan pembaharuan lesen hiburan dan tempat hiburan – pusat hiburan istirehat – Pub & Kafe oleh Yeong Kwan Sdn. Bhd. dengan syarat mengemukakan surat sokongan bomba. Pemantauan semula akan dibuat selepas premis beroperasi seperti di **Lampiran 3**.

2.4 PERMOHONAN BARU LESEN HIBURAN DAN TEMPAT HIBURAN – PUSAT HIBURAN AWAM – SNUKER

2.4.1 Mesyuarat dikemukakan dengan permohonan baru lesen hiburan dan tempat hiburan – Pusat Hiburan Awam – Snuker bagi tahun 2013.

2.4.2 **Pusat Hiburan Awam** : pusat hiburan di bawah kategori ini mesti mempunyai komponen ruang yang selesa dan luas. Pengunjung-pengunjungnya melakukan aktiviti-aktiviti seperti tarian, mendengar muzik, makan dan minum serta aktiviti riadah.

2.4.3 **Snuker** bermaksud sejenis permainan dalaman (*indoorgame*) di mana bola-bola (sebiji bola putih, 15 biji bola merah dan 6 biji berlainan warna) diletakkan di atas meja berukuran empat segi tepat yang mempunyai hujung berkusyen dan ditolak menggunakan kayu panjang dan tirus (*the cue*).

2.4.4 Masa operasi bagi pusat hiburan awam dihadkan dari pukul 4.00 petang hingga 1.00 pagi sahaja.

2.4.5 Mesyuarat bersetuju untuk meluluskan permohonan baru lesen hiburan dan tempat hiburan – pusat hiburan

awam –Snuker oleh Century Venture Snooker Centre seperti syarat berikut seperti di **Lampiran 4.**

- i) Lesen diluluskan bagi tempoh sementara untuk tahun 2013 sahaja.
- ii) Mengemukakan surat sokongan boma
- iii) Mematuhi syarat-syarat semasa pihak majlis
- iv) Pemantauan berterusan dari masa ke semasa
- v) Lesen akan/boleh dibatalkan sekiranya terdapat aduan dari penduduk dan penyewa di tingkat bawah atau sebarang pelanggran syarat-syarat majlis dan pihak polis.

2.5 PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN BARANG-BARANG LUSUH (BESI BURUK)

2.5.1 Mesyuarat dikemukakan dengan permohonan pembaharuan lesen premis perniagaan barang-barang lusuh (besi buruk) - bagi tahun 2013.

2.5.2 Seksyen 6, Akta Peniaga Sekendhend 1946 memperuntukan tiada seseorang dibenarkan meniaga barang-barang skendhend seperti berikut kecuali dengan lessen:

- a) Beg-beg guni, kain layar, kanvas
- b) Botol-botol
- c) Besi dan logam lama, lain daripada Loyang, tembaga, pelambam, zing dan timah bungkah.
- d) Kotak-kotak dan peti-peti kayu dan yang berlapik dengan timah.
- e) Tin-tin minyak tanah, tong-tong minyak dan lain-lain bekas kosong yang seumpamanya.

2.5.3 Aktiviti perniagaan barang-barang lusuh –besi buruk hanya dibenarkan beroperasi di kawasan zon perindustrian sahaja.

2.5.4 Masa operasi bagi premis barang lusuh – besi buruk dihadkan dari pukul 7.00 pagi hingga 7.00 petang sahaja.

2.4.5 Mesyuarat bersetuju untuk meluluskan permohonan pembaharuan lesen premis perniagaan barang-barang lusuh (Besi Buruk) oleh Lee Kim Fong Trading seperti di **Lampiran 5**.

3. MESYUARAT MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BERBANGKIT SEPERTI BERIKUT :

3.1 GERAI PLB DI JALAN 3/10 PANDAN INDAH

Mesyuarat dimaklumkan tawaran telah dikeluarkan kepada En. Zainol Ariffin (calon simpanan kedua) bagi gerai PLB No. 8 Pandan Indah, namun sehingga kini tiada jawapan diperolehi. Pihak jabatan mencadangkan supaya dibuat temuduga semula bagi tujuan pengisian.

**Tindakan:
Jab. Perkhid. Perbandaran & Kesihatan**

3.2 KEDAI TANPA LESEN DI PERSIMPANGAN JALAN MULIA DAN JALAN MULIA 1/1

Jabatan telah mengambil tindakan terhadap 10 gerai tanpa lesen yang bermiaga di sekitar Taman Mulia Jaya dengan tindakan berikut:

- i) Notis dikeluarkan pada 15 Januari 2013 dan 21 Januari 2013.
- ii) Tindakan sitaan ke atas gerai warga asing pada 31 Januari 2013.

Pemantauan di kawasan berkenaan telah dibuat pada 17 April 2013 mendapati 2 gerai masih meninggalkan barang perniagaan. Tindakan penguatkuasaan dijadualkan pada 17 Mei 2013.

Tindakan:
Jab. Perkhid. Perbandaran & Kesihatan/
Jabatan Penguatkuasa

3.3 TEMPAT STRATEGIK UNTUK PENIAGA GERAI

Pihak Pejabat Tanah Daerah Hulu Langat memaklumkan tiada arahan lagi diterima dari pihak Kerajaan Negeri berhubung permohonan tanah kerajaan untuk diwartakan sebagai Rezab Perniagaan seperti permohonan Majlis bagi cadangan gerai iaitu di simpang empat menuju Ampang Avenue.

Tindakan:
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.4 ISU PENYEWAAN GERAI UPEN DI LRT PANDAN JAYA

Mesyuarat dimaklumkan penjaja yang berjaya dalam temuduga kemasukan peniaga baru di Gerai UPEN LRT Pandan Jaya telah dimaklumkan dan 2 penjaja bersetuju menerima tawaran dan seorang belum memberi sebarang maklumbalas.

Pihak jabatan memberi tempoh 14 hari dari surat yang dikeluarkan dan tawaran akan terbatal selepas tempoh tersebut dan tawaran akan dikeluarkan pada calon simpanan pertama.

Tindakan:
Jab. Perkhid. Perbandaran & Kesihatan

3.5 GERAI DI TAMAN BUKIT SEGAR

Mesyuarat dimaklumkan bahawa kompaun telah dikeluarkan pada sebuah gerai yang menjual nasi lemak di hadapan bangunan rumah kedai baru di Taman Bukit Segar yang meninggalkan payung di lokasi tersebut setelah selesai bermiaga. Penjaja tersebut telah membuat permohonan permit dan telah ditolak oleh jabatan. Tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan dalam masa terdekat.

Tindakan:
Jab. Perkhid. Perbandaran & Kesihatan

3.6 ISU PENIAGA GERAI YANG MENYIMEN TAPAK GERAII

Mesyuarat dimaklumkan bahawa semakan telah dibuat di tapak pada 9 Mei 2013 pada jam 11.00 pagi dan mendapati tiada aktiviti penjajaan di lokasi Jalan Perdana 2/1.

Makluman

3.7 GERAI TOSEI DAN CAPATI YANG TIDAK BERLESEN

Mesyuarat dimaklumkan sehingga kini, 2 permohonan yang diproses telah ditolak disebabkan lokasi tidak sesuai. Tiada permohonan baru diterima setakat ini.

Makluman**3.8 GERAI UPEN DI HADAPAN FLAT UTM AU3/1**

Mesyuarat dimaklumkan sebanyak 3 kali semakan telah dibuat di lokasi iaitu pada 10 April 2013, 18 April 2013 dan 23 April 2013 didapati penjaja aktif berniaga di gerai UPEN hadapan Flat UTM AU3/1 tersebut. Pihak jabatan masih belum menerima permohonan baru untuk memohon gerai di lokasi ini. Sekiranya pemilik gerai tersebut didapati sekali lagi menyewakan gerai kepada pihak lain tindakan penamatkan akan dibuat terhadap pemilik gerai tersebut.

Makluman**3.9 LESEN BERNIAGA SEMENTARA DI HADAPAN MASJID AL AZIM**

Mesyuarat dimaklumkan sebanyak 6 notis telah dikeluarkan pada 9 Mei 2013. Tindakan penguatkuasaan seterusnya akan diambil terhadap penjaja haram yang berniaga di luar kawasan masjid. Perbincangan bersama YB Iskandar Abd Samad diadakan pada 16 Mei 2013 untuk membincangkan berkenaan isu ini.

**Tindakan:
Jab. Perkhid. Perbandaran & Kesihatan**

3.10 LOKASI PASAR PAGI DI JALAN 1, AMPANG JAYA

Jabatan diminta untuk mengeluarkan surat makluman kepada peniaga pasar pagi di Jalan 1, Ampang Jaya untuk berpindah ke lokasi baru iaitu di Jalan 8A Ampang Jaya (tapak pasar malam Ampang Jaya).

**Tindakan:
Jab. Perkhid. Perbandaran & Kesihatan**

4.0 HAL-HAL LAIN**TUAN HJ MEOR RITHUAN BIN MOHAMED SAID****4.1 PROSEDUR PENAMATAN LESEN**

Beliau memohon penjelasan berkenaan prosedur pengosongan dan perlantikan peniaga di tapak bermiaga pasar basah di Pandan Jaya. Beliau memaklumkan terdapat kes yang melibatkan peniaga berlesen asal dan peniaga baru yang tidak mempunyai lesen.

**Tindakan:
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta**

4.2 PERMOHONAN MEROBOKAN STRUKTUR BANGUNAN

Beliau memohon tindakan perobohan ke atas sebuah premis yang terletak di kawasan lapang di Jalan Pandan 5 (Berhadapan SMK Pandan Jaya). Sebelum ini, premis tersebut disewakan kepada pengusaha katering yang telah diarahkan keluar pada pertengahan bulan April 2013. Bangunan ini dibina tanpa kelulusan Majlis. Terdapat juga 2 buah bangunan lain di jalan yang sama dan perlu diambil tindakan.

**Tindakan:
Jab. Perkhid. Perbandaran & Kesihatan/
Jabatan Penguatkuasa**

TUAN RAZALI BIN RAMLY**4.3 GERAI HARAM DI BULATAN AU2 KERAMAT**

Terdapat sebuah gerai buah-buahan haram di Bulatan AU2 Keramat. Jabatan memaklumkan notis telah dikeluarkan dan tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan segera.

Tindakan:
Jab. Perkhid. Perbandaran & Kesihatan /
Jabatan Penguatkuasa

4.4 GERAI-GERAI HARAM DI SEKITAR AU KERAMAT

Beliau memaklumkan terdapat beberapa lokasi gerai haram yang masih beroperasi dan tidak beroperasi yang telah mendatangkan kacauganggu seperti berikut:

- i) Gerai haram di Jalan masuk AU3/1 yang telah didirikan di tempat laluan awam kawasan tempat letak kereta sehingga mendatangkan kacauganggu kepada lalulintas.
- ii) Gerai haram di AU1/2 yang telah ditinggalkan dan dijadikan tempat kediaman.
- iii) Gerai haram di AU4 Keramat yang dibuka oleh seorang wanita dan disewakan kepada orang Acheh yang membuka kedai runcit serta dijadikan tempat kediaman di situ.

Tindakan:
Jab. Perkhid. Perbandaran & Kesihatan /
Jabatan Penguatkuasa

TUAN HAJI YAZID BIN ALIAS**4.5 CADANGAN MEWUJUDKAN KAWASAN PERNIAGAAN**

Permohonan untuk menjadikan rezab kawasan lapang di hadapan tanah milik SimeDarby Bandar Baru Melawati sebagai tapak untuk peniaga-peniaga baru.

Tindakan:
Jabatan Perancang Bandar

PUAN WAN HASRINA BINTI WAN HASAN**4.6 RUMAH SAMPAH UNTUK DIJADIKAN KIOSK PERNIAGAAN**

Beliau memohon penjelasan berkaitan status rumah sampah di Flat Ukay Perdana untuk ditukarkan kepada kiosk peniaga kecil di kawasan tersebut. Jabatan memaklumkan rumah sampah tersebut dalam proses pembersihan oleh pihak kontraktor.

Tindakan:
Jab. Perkhid. Perbandaran & Kesihatan

4.7 MAKLUMAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN POLIS TERHADAP PUSAT HIBURAN DAN MESIN PERJUDIAN BAGI TAHUN 2013

Pihak polis memaklumkan pemeriksaan telah dibuat untuk pusat hiburan yang beroperasi di sekitar kawasan MPAJ pada bulan Mei 2013. Antara pusat hiburan yang terlibat adalah Nine Nine Bistro & KTV di Pandan Perdana dan MANA PUB & Bistro Sdn.Bhd di Pandan Indah. Berikutnya pemeriksaan tersebut, 12 tangkapan telah dibuat melibatkan bangsa Cina, Vietnam, Melayu dan Indonesia. Beberapa rampasan

juga telah dibuat yang melibatkan unit komputer, unit DVD Player dan sejumlah wang tunai.

Di samping itu bagi tindakan Ops Dadu bagi tempoh Januari hingga April 2012/2013 bagi kes Mesin Perjudian Haram tahun 2013 sebanyak 396 serbuan, 95 tangkapan dan 808 rampasan telah dibuat.

Makluman**5.0 PENUTUP**

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbangkan dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan.

Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
21 Mei 2013

LAMPIRAN 1

1) REACHWELL DISTRIBUTOR (6-11268 JLD 2)

- Nama pemohon : Lee Chee Hong
- Jawatan : Pengurus
- Alamat premis : No.2-2M,Jalan 6/4, Taman Komersial Pandan Indah, Pandan Indah
- Kawasan : Pandan Indah, Chempaka
- Lokasi : Kedai
- Aktiviti : Urut Tradisional
- Ulasan Polis : Disokong pada 25/03/2013
- Ulasan Bomba : Disokong pada 04/10/2012
- Ulasan PBK : Tiada Halangan
- Ulasan PK : Tiada
- Catatan : Berlesen pada tahun 2012
- Kompaun : 2 kompaun
- Jumlah pekerja : 4 orang (3 perempuan, 1 orang lelaki)
- Sijil Kelayakan : Tidak dikemukakan dan gagal dipamerkan semasa pemeriksaan
- Syor : Lulus – mematuhi syarat dan garispanduan yang ditetapkan
- Keputusan : Lulus dengan syarat menjelaskan bayaran kompaun

LAMPIRAN 2

1) PANDAN KAPITAL CINEMA (002103122D)

- Nama pemohon : Sirtharan a/l Nalliah
- Jawatan : Pengarah
- Alamat premis : L2/58 &58B, Pandan Kapital, Jalan Pandan Indah 4/2, 55100 Kuala Lumpur
- Kawasan : Pandan Indah
- Lokasi : Pusat membeli-belah
- Aktiviti : Panggung Wayang
- Ulasan Polis : Disokong pada 22April 2013
- Ulasan Bomba : Disokong pada 6.12.2012
- Ulasan PK :
- Catatan : Mempunyai 500 tempat duduk
- Kompaun : Tiada
- Syor : Dikemukakan untuk pertimbangan ahli mesyuarat
- Keputusan : Lulus

LAMPIRAN 3

1) YEONG BIN KWAN SDN BHD (6-11704H)

- Nama pemohon : Jeong Chan Ho
- Jawatan : Pengarah
- Alamat premis : 43A, Jalan Sulaiman 1, Taman Putra Sulaiman, 68000 Ampang Selangor
- Kawasan : Taman Putra Sulaiman, Chempaka
- Lokasi : Kedai
- Aktiviti : Kafe
- Ulasan Polis : Disokong pada 14.5.2013
- Ulasan Bomba : Tidak dikemukakan
- Ulasan P(K) :
- Catatan :
- Kompaun : Tiada
- Syor : Lulus – mematuhi syarat dan garispanduan yang ditetapkan
- Keputusan : Lulus dengan syarat mengemukakan surat sokongan bomba dan pemantauan semula selepas premis beroperasi

LAMPIRAN 4

1) CENTURY VENTURE SNOOKER CENTRE (6-23592 (H))

- Nama pemohon : Lee Yon Chun
- Jawatan : Pengurus
- Alamat premis : Lot 1211, Jalan 11, Ampang New Village
Kg. Baru Ampang
- Kawasan : Kg. Baru Ampang
- Lokasi : Lot kedai.
- Aktiviti : Snuker
- Ulasan Polis : Disokong pada 2.4.2013
- Ulasan Bomba :
- Ulasan P(K) : Tiada
- Catatan : Telah mengemukakan rayuan bertarikh 13.5.2013
- Kompaun : Tiada
- Syor : Dikemukakan untuk pertimbangan mesyuarat
- Keputusan : Lulus dengan syarat berikut:
 - i) Lesen diluluskan bagi tempoh sementara untuk tahun 2013 sahaja.
 - ii) Mengemukakan surat sokongan bomba
 - iii) Mematuhi syarat-syarat semasa pihak majlis

- iv) Pemantauan berterusan dari masa ke semasa
- v) Lesen akan/boleh dibatalkan sekiranya terdapat aduan dari penduduk dan penyewa di tingkat bawah atau sebarang pelanggran syarat-syarat majlis dan pihak polis



LAMPIRAN 5

1) LEE KIM FONG TRADING (6-19281)

- Nama pemohon : Lee Kim Fong
- Jawatan : Pemilik
- Alamat premis : Lot 18, Jalan 6/6, Taman Komersil Pandan Indah, Pandan Indah
- Kawasan : Pandan Indah Chempaka
- Lokasi : Kawasan Perindustrian
- Aktiviti : Menjual barang-barang lusuh (besi buruk)
- Ulasan Polis : Permit barang lusuh no. 197110
- Tamat pada 31.12.2013
- Ulasan Bomba : Disokong pada 6 September 2012
- Catatan : -
- Kompaun : Tiada
- Syor : Lulus – mematuhi syarat dan garispanduan yang ditetapkan
- Keputusan : Lulus

4.4

**LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA PERUMAHAN,
PENGURUSAN BANGUNAN DAN BINAAN TANPA IZIN
BIL.05/2013**

**MESYUARAT JAWATANKUASA PERUMAHAN, PENGURUSAN
BANGUNAN DAN BINAAN TANPA IZIN
BIL.05/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 21 MEI 2013

MASA : 9.30 PAGI – 10.49 PAGI

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MENARA MPAJ**

KEHADIRAN

- | | | | |
|-----|--|---|-------------|
| 1. | Y. Bhg. Dato' Mohammad Bin Yacob, DSIS, SIS
(Yang Dipertua, MPAJ) | - | Pengerusi |
| 2. | Tn . Ahmad Fauzi Bin Mohd Kamis | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Ahmad Sabri Bin Abu Bakar | - | " |
| 4. | Tn. Fong Teck Keong | - | " |
| 5. | Tn. Lim Fong Len | - | " |
| 6. | Pn. Cheong Chye Wah | - | " |
| 7. | Tn. Hj. A Yazid Bin Alias | - | " |
| 8. | Tn. Ho. Ah Ngoh @ Ho Tze Long | - | " |
| 10. | Tn. Mohamad Bin Samad | - | " |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|-----------------------------------|---|-------------|
| 1. | Tn. Jafrien Bin Muhammad | - | Ahli Majlis |
| 2. | Tn. Mat Jusoh Bin Dollah | - | " |
| 3. | Tn. Meor Rithuan Bin Mohamed Said | - | " |

- | | |
|-------------------------------|---------------|
| 4. Tn. Hj Ali Bin Ismail | - Ahli Majlis |
| 5. Tn. Abd. Hamid Bin Hussain | - TYDP, MPAJ |

A large, semi-transparent watermark is positioned in the center of the page. It consists of the word "SULIT" written in a bold, sans-serif font. The letters are oriented diagonally, sloping upwards from left to right. The "S" is on the bottom left, the "U" is in the middle, the "L" is on the top right, and the "I" is positioned above and to the right of the "L".

LAMPIRAN D**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.05/2013****LAPORAN JAWATANKUASA PERUMAHAN, PENGURUSAN
BANGUNAN DAN BINAAN TANPA IZIN****1. TUJUAN**

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil.05/2013 telah diadakan pada 21 Mei 2013 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

**2.1 KERTAS KERJA GARIS PANDUAN SKIM KOMUNITI
BERPENGAWAL (GUARDED COMMUNITY) MAJLIS
PERBANDARAN AMPANG JAYA**

2.1.1 Mesyuarat dikemukakan dengan Garis Panduan Pembangunan Skim Komuniti Berpengawal (Guarded Community) Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

2.1.2. Sebanyak 27 permohonan 'guarded community' telah diterima oleh pihak Majlis bermula dari tahun 2009 sehingga Jun 2011. Hasil semakan ditapak 90 % permohonan telah beroperasi tanpa mengikuti garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

2.1.3. Sehubungan itu, pada tahun 2011, Lembaga Perumahan Hartanah Selangor telah mengeluarkan Garis Panduan Skim Pembangunan Komuniti Berpengawal (Guarded Community) untuk digunakan oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan seperti di **Lampiran 1** merangkumi perkara berikut:-

- a) **Definisi `Guarded Community'**
- b) **Kawalan Am Perancangan**
- c) **Syarat Asas Penubuhan**
- d) **Pembinaan Pondok Pengawal**
- e) **Pembinaan Pagar**
- f) **Pengawal Keselamatan**
- g) **Pelepasan Status**
- h) **Tanggungjawab Pemohon**
- i) **Carta Alir Proses Permohonan Skim Pembangunan Berpengawal**

2.1.4. Dilaporkan sehingga bulan April 2013, sebanyak 30 permohonan 'guarded community' telah diterima di mana 9 permohonan diluluskan, 2 permohonan ditolak, 14 permohonan dikehendaki kemukakan semula dokumen, 2 permohonan ditangguh dan 3 permohonan dalam proses.

2.1.5. Dimaklumkan permohonan yang ditangguh dan ditolak adalah kerana permohonan tidak mematuhi keperluan garis panduan seperti berikut:

- a) Gagal mendapat persetujuan 75% daripada penduduk.

- b) Tidak memperolehi Lesen Menduduki Sementara (TOL).

2.1.6. Mesyuarat menerima dan mengambil maklum Garis Panduan Pembangunan Skim Komuniti Berpengawal (Guarded Community) Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan status terkini permohonan 'guarded community' di kawasan MPAJ.



3. MESYUARAT TURUT MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BERIKUT:-**3.1. PEMBINAAN RESTORAN TANPA KEBENARAN DI ATAS TANAH REZAB JPS DI LORONG AWAN 14, KUALA AMPANG, MUKIM HULU KELANG**

Mesyuarat dimaklumkan tindakan perobohan oleh PTD Gombak telah ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang akan beritahu kelak.

**Tindakan:
PTD Gombak**

3.2. ISU PENEMPATAN SETINGGAN DI PANDAN JAYA DI BAWAH REZAB TNB

Mesyuarat dimaklumkan pihak Jabatan masih belum menerima sebarang maklumbalas berhubung cadangan setinggan Pandan Jaya di bawah TNB dimasukkan ke dalam Program Pinjaman Kerajaan Negeri.

**Tindakan:
Jabatan Perancang Bandar**

3.3. BANGUNAN DIBINA BERSEBELAHAN KOLAM IKAN DI TAMAN BUKIT MULIA

Mesyuarat dimaklumkan tindakan perobohan oleh PTD Gombak telah ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang ditetapkan.

**Tindakan:
PTD Gombak**

3.4. BANGUNAN DI KAWASAN LAPANG DI BAWAH RINTISAN REZAB TNB DI TAMAN NIRWANA FASA 1

Mesyuarat dimaklumkan melalui surat TNB bertarikh 25 Mac 2013, kerja-kerja pembersihan sisa binaan yang telah dirobohkan oleh pemilik asal telah dilaksanakan pada 25

Mac 2013. Manakala kerja-kerja merobohkan struktur yang masih belum dirobohkan, pihak TNB dijangka akan melaksanakannya pada pertengahan April 2013 dan dijangka selesai pada penghujung bulan Mei 2013.

Makluman

3.5. BINAAN RUMAH TANPA KEBENARAN MAJLIS DI JALAN A KG PANDAN (NO. 68, JALAN KEMAJUAN A, KG PANDAN BERHADAPAN KLINIK KESIHATAN DAN PERGIGIAN)

Mesyuarat dimaklumkan lawatan bersama pihak TNB telah dibuat untuk mengesahkan kawasan binaan yang memasuki rezab TNB dan Jabatan masih belum mendapat maklumbalas.

Pihak pemilik rumah telah diminta membuat permohonan pelan ubahsuai.

**Tindakan:
Jabatan Bangunan & Senibina**

3.6. GERAI MAKAN DI REZAB TNB BERHADAPAN MASJID NURUL HIDAYAH KG PANDAN

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak TNB akan melaksanakan perobohan gerai tersebut.

**Tindakan:
Jabatan Perancang Bandar**

3.7. BANCIAN AKTIVITI PERNIAGAAN DI KG PANDAN DALAM

Mesyuarat dimaklumkan semakan pada 15 Mei 2013, mendapati penjaja nasi lemak Sri Pandan aktif bermiaga dengan menggunakan lori.

Sesi penerangan telah diberikan kepada isteri penjaja (En Salbi bin Hasan) supaya tidak meninggalkan lori selepas habis bermiaga. Tindakan sitaan akan di buat pada 22 Mei 2013.

Tindakan:

**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan/
Jabatan Penguatkuasa**

**3.8. TAPAK KEDIAMAN DIJADIKAN TEMPAT MENJUAL KERETA
TERPAKAI DI LORONG JALAN F KG PANDAN**

Mesyuarat dimaklumkan, pihak Jabatan Undang-Undang akan mendapatkan izin dakwa dalam masa terdekat setelah mendapat maklumat lengkap dari Jabatan berkaitan.

Tindakan:

Jabatan Undang-Undang

3.9. GERAI HARAM (BANANA CAFE) DI AMPANG WATER FRONT

Mesyuarat dimaklumkan tindakan perobohan ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang akan di tetapkan.

Tindakan:

Jabatan Penguatkuasa

3.10. PEMBINAAN PARKIR KERETA (GARAJ) DI ATAS REZAB JALAN

Mesyuarat memaklumkan tindakan perobohan pembinaan parkir kereta(garaj) di atas rezab jalan ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang akan ditetapkan kelak.

Tindakan:
Jabatan Bangunan dan Senibina/
Jabatan Penguatkuasa

3.11. STATUS GERAI UPEN DI TUKAR DI JALAN 5 PANDAN JAYA

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja baik pulih gerai tersebut sedang dijalankan oleh Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta.

Tindakan:
Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta

3.12. TAMBAKAN TANAH HARAM DI CERUN JALAN WANGSA 5A

Mesyuarat dimaklumkan Jabatan Undang-Undang telah memperolehi maklumat dari Jabatan yang berkaitan. Kertas siasatan akan dikemukakan kepada mahkamah dalam masa terdekat.

Tindakan:
Jabatan Undang-Undang

3.13. RUANG PERNIAGAAN DIBINA DI KAWASAN LAPANG PANDAN JAYA

Mesyuarat dimaklumkan lawatan tapak telah dibuat oleh pihak Jabatan pada 10 Mei 2013 dan berpandangan tiada lagi lokasi yang sesuai untuk didirikan gerai @ kiosk penjaja di kawasan ini.

Pihak jabatan mensyorkan permit sementara dikeluarkan kepada penjaja yang aktif di lokasi sedia ada dan cara penjajaan secara sementara (payung/meja lipat) iaitu `take away' sahaja.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.14. STATUS TAPAK BILLBOARD DI HADAPAN PERABUT CEMPAKA

Mesyuarat dimaklumkan hasil perbincangan dalam Mesyuarat Taskforce Billboard dan Menara Telekomunikasi pada 17 Mei 2013, disyorkan Jabatan Bangunan dan Senibina dan Jabatan Pelesenan untuk turun ke lokasi bagi menentukan ketinggian tiang sebelum ditentukan samada kedudukan perlu dianjak ke belakang atau paparan visual dikecilkkan.

Tindakan:
Jabatan Pelesenan/
Jabatan Bangunan & Senibina

3.15. STATUS TANAH HADAPAN KEDAI KEONG HENG CHERAS INDAH

Mesyuarat dimaklumkan pengusaha telah mengemukakan rayuan kepada pihak Majlis bagi mengekalkan khemah tersebut. Sebarang tindakan penguatkuasaan ditangguhkan dahulu.

Tindakan:
Jabatan Penguatkuasa

3.16. STATUS GERAI STATIK DI SBELAH DEWAN PERMATA 4

Mesyuarat dimaklumkan bahawa permit penjaja di gerai statik tersebut telah ditamatkan dan perobohan gerai akan dilakukan sendiri oleh penjaja berkenaan.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.17. SEMAKAN TAPAK DI TAMAN NIRWANA 3

Wakil PTD Hulu Langat memaklumkan pemohon pernah dikeluarkan Lesen Menduduki Sementara (LMS) tetapi telah tamat tempoh. Pemohon telah membuat permohonan lanjut LMS tetapi sehingga kini masih tiada jawapan. Bangunan tersebut terletak di atas rezab kerajaan.

Tindakan:
PTD Hulu Langat

3.18. BANGUNAN HARAM DI KG KEMENSAH

Mesyuarat dimaklumkan notis roboh telah dikeluarkan pada 15 Mac 2013 kepada 2 gerai dalam tempoh 7 hari. Operasi perobohan ditangguhkan sehingga diberitahu kelak.

Tindakan:
Jabatan Bangunan & Senibina
/Jabatan Penguatkuasa

3.19. VISUAL BERKENAAN 5 TAHUN PENTADBIRAN NEGERI SELANGOR DI BAWAHAN PENTADBIRAN PAKATAN RAKYAT

Mesyuarat dimaklumkan pihak Jabatan masih belum menerima sebarang permohonan mengenai spesifikasi, lokasi dan bilangan yang ingin didirikan.

Tindakan:
Jabatan Pelesenan

3.20. PERHENTIAN BAS DIJADIKAN KIOSK GERAI DI TASEK PERMAI

Mesyuarat dimaklumkan lawatan tapak telah dibuat pada 9 Mei 2013 dan didapati perhentian bas tersebut masih kukuh tetapi masih digunakan oleh segelintir penduduk untuk tempat berihat. Perhentian bas ini tidak sesuai untuk dijadikan kiosk perniagaan.

Makluman

3.21. PEMBINAAN DI CERUN DI LOT 153 LORONG 8, TASIK PERMAI

Mesyuarat dimaklumkan pembinaan rumah di cerun tersebut adalah dalam lot sendiri dan mendapat aduan dari penduduk setempat. Sekiranya pemohon mohon untuk pembinaan tidak dapat diluluskan kerana rumah tersebut tidak cukup 'side back'. Sebarang perobohan akan ditangguhkan.

Tindakan:
Jabatan Bangunan & Senibina

3.22. SAMBUNGAN BUMBUNG DI JALAN BUNGA TANJUNG 8A,8B DAN JALAN BUNGA TANJUNG 9

Mesyuarat bersetuju operasi perobohan awning boleh dilaksanakan dan operasi perobohan akan dilaksanakan bersama Jabatan Penguatkuasa.

Tindakan:
Jabatan Bangunan & Senibina/
Jabatan Penguatkuasa

3.23. SAMPAH TIDAK DIANGKAT KERANA TIADA RUANG UNTUK LORI SAMPAH MASUK DI LORONG BELAKANG KAWASAN FLAT M14, M8-M15 PANDAN JAYA

Pihak COB telah mengeluarkan surat kepada kepada pihak JMB/MC bagi membuat laluan kepada lori untuk melaksanakan kutipan sampah.

Tindakan:
Bahagian COB

3.24. MASALAH TEMPAT LETAK KERETA DI BLOK M14 DAN M15 PANDAN JAYA

Mesyuarat dimaklumkan merujuk pelan susunatur yang diluluskan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor (JPBD) bertarikh 12 Ogos 1989, bilangan tempat letak kereta tidak dinyatakan di dalam pelan tersebut.

Semakan dibuat oleh Jabatan di mana antara blok M14 dan M15 ada ruang untuk parkir terbuka iaitu sebanyak 60 buah kotak parkir boleh dibuat. Walau bagaimanapun, semakan oleh jabatan akan dibuat sekali lagi sebelum sebarang keputusan diambil.

Tindakan:
Jabatan Perancang Bandar

3.25. GELANGGANG ANAK MUDA DI JALAN PERSIARAN 7 PANDAN JAYA

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Majlis belum menerima surat penyerahan daripada pihak yang berkaitan.

Tindakan:
Jabatan Belia & Masyarakat

3.26. PEMBINAAN RUMAH TANPA MENGIKUT PELAN KELULUSAN DARIPADA PIHAK MAJLIS DI RUMAH NO.2 JALAN PERDANA 6/9 PANDAN PERDANA

Mesyuarat dimaklumkan isu ini masih dalam kes mahkamah (En. Lim Koo vs En. Soo). Pemilik rumah mohon supaya pelan akan dikemukakan selepas kes Mahkamah selesai.

Tindakan:
Jabatan Bangunan & Senibina

3.27. GERAI TERBIAR DI TAMAN SAGA

Mesyuarat bersetuju gerai terbiar dan tidak berpenghuni dirobohkan dengan segera.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.28. MOHON SEMAKAN PERMOHONAN PEMBINAAN KONTRIT DI PADANG PERMAINAN DI PANDAN UTAMA

Mesyuarat dimaklumkan pihak Jabatan telah mengarahkan kerja-kerja ditapak diberhentikan dan mohon pihak yang terlibat mengemukakan pelan kepada pihak Jabatan.

Tindakan:
Jabatan Belia & Masyarakat

3.29. STATUS TAPAK TANAH KOSONG DI SEBELAH KUIL HINDU DI JALAN 9/10 PANDAN PERDANA

Mesyuarat dimaklumkan bahawa tanah kosong yang telah dipagar telah mendapat TOL dan telah tamat tempoh pada 31 Disember 2010 dan tidak diperbaharui sehingga kini. Mesyuarat bersetuju tindakan akan ambil oleh PTD Hulu Langat berkenaan isu TOL.

Tindakan:
PTD Hulu Langat

3.30. KAJIAN DAN CADANGAN PEMULIHAN GERAI /TAPAK GERAI PLB DI TASEK TAMBAHAN 1

Perbincangan lanjut bersama Ahli Majlis iaitu Tn. Hj Ali bin Ismail berkaitan isu ini akan diadakan. Walau bagaimanapun, perbincangan lanjut dengan Jabatan – Jabatan teknikal perlu dilakukan bagi melaksanakan cadangan menaiktaraf gerai-gerai PLB di seluruh kawasan tersebut.

Cadangan Ahli Majlis melibatkan pengambilan tanah, Zon penampang berhampiran padang, rezab jalan dan kos pembinaan yang agak tinggi.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

**3.31. BINAAN TIANG DAN BANGUNAN BARU DI BLOK B, BLOK C,
DAN DI WAKAF SUMBANGAN YB ISKANDAR**

Mesyuarat dimaklumkan notis telah dikeluarkan. Tindakan perobohan telah ditangguhkan dan akan dimaklumkan kemudian.

**Tindakan:
Jabatan Penguatkuasa**

**3.32. SEMAKAN BANGUNAN HARAM DI BELAKANG JALAN LIM SWEE
HONG, PEKAN AMPANG**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa bangunan adalah milik individu di dalam tanah bergeran. Walau bagaimanapun struktur pengubahsuaian bangunan tidak mendapat kelulusan Majlis. Notis telah dikeluarkan dan pemilik telah berurusan dengan Jabatan Bangunan dan Senibina.

Makluman

3.33. SEMAKAN PERMOHONAN PENGUBAHSUAIAN RUMAH

Hasil semakan Jabatan, pemilik rumah di Taman Bukit Mewah, Taman Bukit Utama 1 dan 2 dan Taman Bukit Jaya telah mendapat kelulusan dan menampal kelulusan di dalam premis masing-masing.

Makluman

3.34. PENGUBAHSUAIAN RUMAH TANPA KEBENARAN DI JALAN BUNGA MELUR 3

Hasil semakan jabatan, pemilik rumah telah mendapat kelulusan pelan daripada Majlis. Terdapat sampah di tempat pembinaan dan telah dimaklumkan kepada pemilik untuk dibersihkan.

Makluman**3.35. TINDAKAN NOTIS MENGOSONGKAN BANGUNAN**

Mesyuarat dimaklumkan notis bagi mengosongkan bangunan yang didirikan tanpa izin yang digunakan untuk aktiviti parti politik di Jalan 5, Pandan Jaya berhadapan SK Pandan Jaya telah dikeluarkan dan tindakan perobohan masih lagi ditangguhkan.

**Tindakan:
Jabatan Penguatkuasa****3.36. POS PILIHANRAYA DI HADAPAN RESTOREN HIDAYAH INDAH, TAMAN BUKIT INDAH**

Mesyuarat dimaklumkan tindakan telah diambil terhadap pos pilihanraya di hadapan Restoran Hidayah Indah Taman Bkt Indah.

Makluman

4.0 HAL-HAL LAIN**TUAN AHMAD FAUZI BIN MOHD KAMIS****4.1. GERAI TOMYAM DAN STORE BURGER DI BAHU JALAN F KG PANDAN**

Mohon semakan status gerai di bahu jalan F (MRR2) sebaris dengan IKS Kg Pandan .

**Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

4.2. LAMPU JALAN

Lampu jalan tidak berfungsi dari Jalan Taman Bakti (AXIS) sehingga ke Petronas Taman Chempaka.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

(Minit dipindahkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam)

4.3. POKOK BULUH LIAR DI HADAPAN PINGGIRAN CEMPAKA (LRT)

Beliau memohon ditebang pokok buluh liar di hadapan pinggiran Cempaka (LRT).

**Tindakan:
Jabatan Belia & Masyarakat**

(Minit dipindahkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan)

TUAN MOHAMAD BIN SAMAT**4.4. SEMAKAN STATUS PERMOHONAN MENGECHAT SEMULA BANGUNAN DI PANGSAPURI ANGGERIK**

Beliau memaklumkan mohon semakan ke atas permohonan bagi kerja-kerja mengecat di Pangsapuri Anggerik Bkt Permai 2.

**Tindakan:
Bahagian COB**

4.5. SEMAKAN PEMBINAAN RUMAH BERTINGKAT OLEH SYARIKAT TEGAS SEJATI

Beliau memohon semakan dibuat bagi kerja-kerja pembinaan oleh Syarikat Tegas Sejati bagi rumah bertingkat di mana progres pelaksanaannya sangat perlahan.


**Tindakan:
Jabatan Bangunan & Senibina**

5.0 PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbaangkan dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin.

Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
23MEI2013

CARTA ALIR PERMOHONAN SKIM PEMBANGUNAN BERPENGAWAL





**GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN
SKIM KOMUNITI BERPENGAWAL
(‘GUARDED COMMUNITY’)
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**



Disediakan Oleh :
**Jabatan Perancang Bandar
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
November 2011**

GARIS PANDUAN 'GUARDED COMMUNITY'
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

BIL	PERKARA
1.	<p>Kawalan Am Perancangan</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Dibenarkan di kawasan bandar (di dalam kawasan operasi PBT), khususnya di kawasan yang kurang selamat (mempunyai kadar jenayah yang tinggi berdasarkan rekod pihak polis). b) Tiada unsur paksaan bagi menyertai skim ini. c) Berbentuk sementara sahaja iaitu dari 2 hingga 3 tahun. d) Tidak mempunyai kemudahan yang berkongsi seperti surau, sekolah, padang bola dan sebagainya seperti di peruntukkan dalam Pelan Kebenaran Merancang / Pelan Susunatur) asal yang diluluskan. e) Penghalang hanya dibenarkan beroperasi dari jam 12 tengah malam sehingga 6 pagi. f) Penggunaan kad akses (automatik) dilarang sama sekali. g) Tidak dibenarkan menghalang kenderaan keluar / masuk ke kawasan berkenaan. h) Penghuni yang tidak menyertai skim ini tidak boleh dihalang sama sekali memasuki kediaman mereka pada bila-bila masa.
2.	<p>Syarat Asas Penubuhan</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Permohonan oleh Persatuan Penduduk yang berdaftar (pembangunan sedia ada) dan Pemaju sekiranya melibatkan pembangunan baru. b) Perlu persetujuan 75% penduduk daripada bilangan unit rumah yang berpenghuni (termasuk penyewa) perlu diperolehi terlebih dahulu bagi perumahan sedia ada.

	c) Pihak persatuan penduduk perlu mengemukakan dokumen berkenaan dengan persetujuan penduduk dan lain-lain maklumat yang diperlukan kepada PBT dan pihak-pihak berkuasa yang berkenaan.
3.	Pembinaan Pondok Pengawal
	a) Pondok pengawal sahaja dibenarkan dan saiz adalah 6 kaki x 8 kaki atau saiz lain yang difikirkan sesuai oleh MPAJ. b) Perlu mengemukakan pelan rekabentuk bangunan pondok pengawal tersebut kepada Jabatan Bangunan, MPAJ c) Pondok pengawal yang dibina perlu mendapatkan permit secara tahunan daripada Jabatan Bangunan, MPAJ d) Pembinaan pondok pengawal yang tidak menghalang lalu lintas dan peletakannya di bahu jalan serta perlu mendapat kebenaran bertulis daripada PTD /MPAJ. e) Jika cadangan binaan pondok pengawal di kawasan bahu jalan adalah berstruktur kekal (permanent structure), pemohon (persatuan penduduk) perlu memohon kelulusan Lesen Pendudukan Sementara (Temporary Occupation Licence – TOL) daripada Pejabat Tanah Daerah (PTD) yang berkenaan. Peraturan ini adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 65, Kanun Tanah Negara, 1965 (Akta 56).
4.	Pembinaan Pagar
	Dilarang sama sekali membina tembok (fencing) yang mengelilingi kawasan pembangunan kecuali disebabkan faktor keselamatan seperti terdapatnya parit besar, sungai dan lebuh raya dengan kelulusan PBT terlebih dahulu.

5.	Tanggungjawab Pemohon
	<p>Perkara yang perlu dilakukan oleh pemohon ialah :-</p> <ul style="list-style-type: none">a) Penubuhan Jawatankuasa Bertindak Penduduk (sementara).b) Kemukakan permohonan pendaftaran Persatuan Penduduk kepada Pendaftar Pertubuhan (ROS).c) Mengadakan Mesyuarat Agung Penubuhan Persatuan Penduduk bagi memilih Ahli Jawatankuasa Penduduk.d) Mengemukakan cadangan pelaksanaan kepada Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan.e) Setelah mendapat kelulusan daripada PBT, hebahan secara menyeluruh dengan memasang 'banner', poster dan sebagainya dibuat.f) Mengemukakan permohonan Permit Sementara Bangunan (Pondok Pengawal) kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) selepas kelulusan diperolehi dari PTD berkaitan.g) Syarikat pengawal keselamatan yang dilantik oleh persatuan penduduk hendaklah mengemukakan maklumat terperinci syarikat kepada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dan PBT untuk tujuan semakan dan rekod.
6.	Pengawal Keselamatan
	<ul style="list-style-type: none">a) Pelantikan dan tugas Pengawal Keselamatan wajib mematuhi Akta Ejensi Persendirian 1971 (Akta 27) dan keperluan Kementerian Dalam Negeri (KDN).b) Pengawal keselamatan yang dilantik hendaklah boleh bertutur dalam Bahasa Malaysia dan berbudi bahasa.

	<ul style="list-style-type: none">c) Pengawal keselamatan hendaklah membenarkan orang awam / pihak berkuasa untuk masuk ke dalam taman perumahan dan menggunakan jalan-jalan awam serta kemudahan-kemudahan seperti kawasan lapang, surau dan dewan.d) Pengawal keselamatan tidak dibenarkan mengambil/meminta kad pengenalan orang awam atau penduduk taman, memadai merekodkan nama dan nombor pendaftaran kenderaan sahaja.e) Pengawal keselamatan tidak dibenarkan membuat kacau ganggu kepada orang awam.f) Kebersihan pondok pengawal dan persekitarannya adalah di bawah tanggungjawab pihak pemohon dan hendaklah dipastikan sentiasa dalam keadaan bersih dan kemas.
7.	Pelepasan Status Cadangan pelepasan atau pembubaran status ‘guarded community’ kepada status asal (tidak berpengawal) oleh persatuan penduduk perlu dimaklumkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
8.	Lain-Lain <ul style="list-style-type: none">a) Pihak berkuasa berhak memasuki kawasan tersebut pada bila-bila masa.b) Sekiranya terdapat bantahan atau isu yang berbangkit berkenaan dengan pembinaan pondok pengawal dan cara ia beroperasi, pihak MPAJ berhak untuk menarikbalik permit tersebut pada bila-bila masa.

**JABATAN PERANCANG BANDAR
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

Menara MPAJ, Persiaran MPAJ,
Jalan Pandan Utama, Pandan Indah,
55100 Kuala Lumpur.

Tel : 03-4296 8008

Fax : 03-4296 4145

Web : www.mpaaj.gov.my

No. Ruj. Jab : _____

Tarikh Daftar : _____

**BORANG PERMOHONAN SKIM KOMUNITI BERPENGAWAL
('GUARDED COMMUNITY')****A. BUTIRAN PERMOHONAN**

1. Nama Persatuan Penduduk :
.....
.....
2. Pengurus Persatuan Penduduk :
.....
3. Alamat Pemohon/Persatuan Penduduk :
.....
.....
4. No telefon : Rumah : Pej : H/P :
5. Lokasi Permohonan (Nama jalan & taman perumahan) :
.....
.....
6. Status Operasi : Belum beroperasi
 Telah beroperasi
.....(nyatakan tahun mula beroperasi)

Nota : Sila tandakan (/) pada pilihan jawapan.

B. KEPERLUAN DOKUMEN

BIL.	DOKUMEN YANG DIPERLUKAN	SEMAKAN PEMOHON	SEMAKAN JAB. PERANCANG
1.	1.1 Surat permohonan rasmi daripada Persatuan penduduk Berdaftar dengan ROS/ pemaju		
	1.2 Sesalinan Sijil Pendaftaran Persatuan Penduduk daripada Pejabat Pendaftar Pertubuhan (ROS) dan salinan pendaftaran Persatuan Penduduk di Jabatan Kemasyarakatan MPAJ.		
	1.3 Sesalinan Minit Mesyuarat Persatuan Penduduk (AGM) Anual General Meeting		
	1.4 Sesalinan pelan tapak kawasan yang terlibat yang menunjukkan: <ol style="list-style-type: none"> 1. Sempadan kawasan terlibat 2. Bilangan rumah 3. Nama jalan 4. Lokasi pondok pengawal 5. Cadangan jalan yang hendak ditutup 6. Lain-lain cadangan sekatan fizikal 		
	1.5 Surat persetujuan 75% daripada penduduk / pemilik rumah (alamat yang lengkap serta tandatangan) atau salinan 'Dead of Mutual Covenant' bagi permohonan oleh pemaju -Rujuk lampiran 1		
	1.6 Menyatakan status tanah bagi lokasi pondok pengawal. Sekiranya milik persendirian/ pemaju, sila sertakan bersama surat persetujuan daripada pemilik tanah dan surat hakmilik tanah tersebut		
	1.7 Menyatakan saiz pondok pengawal yang dicadangkan dan pelan rekabentuk pondok pengawal		

Tandatangan Pemohon :

Tandatangan Penerima

.....


.....

Tarikh :

Tarikh :

SENARAI NAMA PEMILIK RUMAH/ PENDUDUK YANG MENYOKONG**Contoh :**

Bil.	Nama dan alamat	No. KP	Status pemilikan rumah (pemilik/ penyewa)	Tandatangan
1.	Ahmad bin Abu No. 1, Jalan 5/9, Pandan Mewah		Pemilik rumah	
2.	Abu bin Ahmad No. 8, Jalan 5/10, Pandan Mewah		Penyewa	



4.5
LAPORAN MESUARAT JAWATANKUASA
KEWANGAN DAN TAKSIRAN
BIL.05/2013

MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN DAN TAKSIRAN**BIL.05/2013****MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 22 MEI 2013 (RABU)

MASA : 9.30 PAGI – 11.50 PAGI

TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MENARA MPAJ**KEHADIRAN AHLI MAJLIS**

- | | | |
|--|---|-------------|
| 1. Tn. Abd Hamid Bin Hussain
(TYDP, MPAJ) | - | Pengerusi |
| 2. Tn. Razali Bin Ramly | - | Ahli Majlis |
| 3. Tn. Ahmad Fauzi Bin Mohd Kamis | - | " |
| 4. Tn. Fong Teck Keong | - | " |
| 5. Tn. Ahmad Sabri Bin Abu Bakar | - | " |
| 6. Pn. Cheong Chye Wah | - | " |
| 7. Tn. Wong Khai Pun | - | " |
| 8. Tn. Haji Meor Rithuan Bin Mohamed Said | - | " |
| 9. Pn. Wan Hasrina Binti Wan Hassan | - | " |
| 10. Tn. Haji Mat Jusoh Bin Dollah | - | " |
| 11. Tn. Abd. Aziz Bin Ahmad | - | " |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | |
|------------------------------------|---|-------------|
| 1. Y.Bhg. Dato' Mohammad Bin Yacob | - | YDP, MPAJ |
| 2. Tn. Abdul Latif Bin Shaari | - | Ahli Majlis |
| 3. Pn. Sian Keng Eng | - | " |

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL 05/2013**

**LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN
DAN TAKSIRAN**

1. TUJUAN

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil. 05/2013 telah diadakan pada 22 Mei 2013 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

**2.1. LAPORAN ANALISA KUTIPAN TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN
DARI 1 JANUARI 2013 SEHINGGA 30 APRIL 2013**

2.1.1. Mesyuarat dimaklumkan prestasi kutipan cukai semasa dan tunggakan cukai taksiran. Bil cukai taksiran yang sepatutnya dikutip bagi tempoh Januari – Jun 2013 ialah sebanyak RM46.30juta dan tunggakan cukai sebanyak RM12.53juta dengan jumlah bil yang dikeluarkan 166,946 bil bagi tempoh penggal pertama dalam tahun 2013.

2.1.2. Secara keseluruhannya kutipan hasil cukai taksiran dari 1 Januari 2013 sehingga 30 April 2013 ialah sebanyak RM36.41juta. Pencapaian kutipan semasa cukai taksiran adalah RM31.22juta; 67.43% dan kutipan tunggakan cukai taksiran adalah RM5.19juta; 41.41%.

2.1.3. Berikut adalah perbandingan kutipan cukai taksiran bagi tempoh 30 April 2013 dan 30 April 2012.

Perbandingan kutipan cukai taksiran			
Perkara	01/01/13 – 30/04/13	01/01/12 – 30/04/12	Ulasan
Kutipan cukai semasa	RM31.22juta	RM28.15juta	Peningkatan kutipan cukai semasa RM3.07juta; 9.83%
Kutipan tunggakan cukai	RM5.19juta	RM5.11juta	Peningkatan kutipan tunggakan cukai RM0.08juta; 1.54%
Jumlah	RM36.41juta	RM33.26juta	Peningkatan kutipan keseluruhan RM3.15juta; 8.65%

2.1.4. Laporan Tunggakan Cukai taksiran 1 Januari 2013 sehingga 30 April 2013 dan senarai 50 pemaju serta 100 individu Tunggakan Cukai Taksiran adalah seperti di **Lampiran 1**.

2.1.5. Analisa pencapaian kutipan cukai taksiran dilaporkan sehingga 30 April 2013 dengan sasaran kutipan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Analisa pencapaian kutipan sasaran yang diarahkan oleh SUK			
Jenis cukai taksiran	Sasaran kutipan arahan SUK	Pencapaian Majlis	Kekurangan sasaran
Cukai semasa	RM41.67juta	RM31.22juta	RM10.45juta
Tunggakan cukai	RM8.77juta	RM5.19juta	RM3.58juta

2.1.6. Pelan Tindakan Jabatan bagi meningkatkan prestasi kutipan adalah berterusan dan komited seperti berikut:

- a) Perlaksanaan kaunter bergerak mengikut Zon Ampang dan Zon Hulu Kelang dengan kaedah kutipan dari rumah ke rumah pemegang harta.
- b) Pembukaan kaunter Menara MPAJ dan Pejabat Cawangan Melawati pada setiap Sabtu setiap minggu bermula 18 November 2006 yang lalu.

- c) Pembukaan kaunter di pasaraya sekitar Ampang Jaya pada bulan Januari, Februari, Julai dan Ogos untuk kemudahan orang ramai di luar waktu pejabat.
- d) Penyediaan mesin pembayaran dan semakan cukai taksiran 24 jam (kiosk) di Menara MPAJ dan pembayaran secara eBanking melalui bank yang telah dilantik oleh Majlis.
- e) Pemberitahuan promosi dan lokasi kaunter bergerak melalui banner di jalan utama, papantanda elektronik di Ampang Point dan memaklumkan aktiviti dan kewajipan membayar cukai melalui media.
- f) Menjalankan kajian secara berterusan ke atas pelaksanaan operasi kutipan oleh PBT dan agensi kerajaan yang lain bagi mengemaskini dan mendapatkan kaedah terbaik meningkatkan prestasi kutipan.
- g) Menubuhkan Unit Taskforce Tunggakan Cukai Taksiran bermula 18 Januari 2010. Unit ini memantau serta membuat tuntutan tunggakan Cukai Taksiran ke atas pemilik individu dan syarikat tegar.

- h) Menyenaraikan pemilik tegar yang gagal menjelaskan tunggakan Cukai Taksiran ke Convergent Technologies Operating System (CTOS).

2.1.7. Mesyuarat **bersetuju dan mengambil maklum** Laporan Analisa Kutipan Tunggakan Cukai Taksiran dari 1 Januari 2013 sehingga 31 Mac 2013. Jadual pembayaran tunggakan cukai taskiran akan dipantau secara berkala.

2.2. LAPORAN ANALISA PRESTASI PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2013 DARI 1 JANUARI 2013 SEHINGGA 30 APRIL 2013

2.2.1. Mesyuarat dimaklumkan perbelanjaan Majlis bagi bajet 2013 sehingga 30 April 2013.

2.2.2. Peruntukan bajet mengurus tahun 2013 adalah sebanyak RM118juta dengan perbelanjaan RM25.58juta atau 21.68% daripada peruntukan yang telah diluluskan. Manakala bajet pembangunan dengan peruntukan berjumlah RM1juta bagi tahun 2013.

2.2.3. Laporan Prestasi Perbelanjaan Majlis Perbandaran Ampang Jaya dari 1 Januari 2012 hingga 30 April 2013 seperti di **Lampiran 2**.

2.2.4. Peruntukan khas yang diterima oleh Majlis sehingga 30 April 2013 berjumlah RM13.31juta dengan perbelanjaan RM12.08juta atau 90.76%. Laporan perincian Perbelanjaan daripada Peruntukan Khas Tahun 2011 -

2013 bagi bulan 1 Januari 2011 hingga 30 April 2013 seperti di **Lampiran 3**.

2.2.5. Mesyuarat **bersetuju dan mengambil maklum** Laporan Analisa Prestasi Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan bagi tahun 2013 dari 1 Januari 2013 sehingga 30 April 2013.

2.3. LAPORAN MESUARAT JAWATANKUSA TASKFORCE KHAS BILLBOARD DAN MENARA TELEKOMUNIKASI BIL.2/2013 MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

2.3.1. Mesyuarat dikemukakan Laporan Jawatankuasa Taskforce Khas Billboard dan Menara Telekomunikasi Bil.2/2013 untuk memaklumkan perkembangan perkara yang telah dibincangkan dan cadangan serta syor yang telah dikemukakan seperti di **Lampiran 4**.

2.3.2. Mesyuarat mengambil **maklum dan meluluskan** syor yang dibentangkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Taskforce Khas Billboard dan Menara Telekomunikasi Bil.2/2013 seperti di **Lampiran 4**.

3. MESYUARAT TURUT MENGAMBIL MAKLUM PERKARA-PERKARA BERIKUT:-

3.1 TUNGGAKAN BAYARAN SYARIKAT SUASA EFEKTIF SDN. BHD.

Mesyuarat dimaklumkan, jumlah tunggakan Suasa Efektif (M) Sdn. Bhd. sehingga bulan April 2013 ialah RM320,949.69. Ahli Mesyuarat mencadangkan perkhidmatan Syarikat Suasa Efektif (M) Sdn Bhd dibatalkan dan Majlis membuat tuntutan ke atas semua tunggakan yang belum dijelaskan. Tuan Pengurus mohon pihak Jabatan Undang-undang membuat semakan berkaitan jika hutang masih belum dibayar mengikut Akta 218, Akta Syarikat dan implikasi kepada Majlis.

**Tindakan :
Jabatan Perbendaharaan / Jabatan Undang-Undang**

3.2 PENGURUSAN PERKHIDMATAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN KAWASAN

Mesyuarat dimaklumkan, kerja-kerja pemantauan perkhidmatan pembersihan awam (PPA) dan pengurusan perkhidmatan sisa pepejal (PPSP) dilaksanakan setiap hari. Bagi bulan April sebanyak 523 NTC di keluarkan iaitu 458 bagi PPA dan 65 PPSP. Sebanyak 64 kontraktor telah dikenakan pemotongan dan 1 kontraktor diberi tunjuk sebab kerana prestasi di bawah 80%.

Makluman

3.3. ISU TANAH YAP AH LOY DI PEKAN AMPANG

Mesyuarat dimaklumkan, pihak Jabatan masih belum menerima dokumen hak milik tersebut bagi proses lelongan. Pengarah Jabatan Undang-undang akan berjumpa sendiri dengan Pengarah Pejabat Tanah dan Galian Selangor bagi mendapatkan dokumen hak milik (geran) tersebut. Mesyuarat juga mohon isu ini diselesaikan sebelum mesyuarat yang akan datang.

Tindakan :
Jabatan Undang-Undang

3.4 STATUS DEWAN JALAN H, KG PANDAN

Mesyuarat dimaklumkan, kerja-kerja perobohan dan pembinaan semula bangunan dewan telah mula dijalankan dan dijangka siap dalam tempoh 3 bulan.

Tindakan :
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.5 STATUS PEMBINAAN DEWAN ORANG RAMAI TAMAN UKAY PERDANA

Mesyuarat dimaklumkan, penyelarasan semula rekabentuk dan senarai kuantiti perlu dibuat segera sebelum tindakan lanjut dapat dilaksanakan.

Tindakan :
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.6 PERUNTUKAN MARRIS BAGI TAHUN 2013

Mesyuarat dimaklumkan, 31 projek telah selesai bagi kerja-kerja penurapan. Kerja-kerja menggaris jalan akan disiapkan sebelum 31 Mei 2013.

Makluman**3.8 PENYEWAAN ‘FOOD COURT’ MAJLIS DI PANDAN JAYA**

Mesyuarat dimaklumkan, pemantauan dan semakan sedang dilaksanakan. Peniaga yang dikenalpasti menyewakan gerai kepada orang lain akan diambil tindakan dengan mengeluarkan surat peringatan kepada peniaga tersebut.

Tindakan :**Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta****4. HAL-HAL LAIN****TUAN RAZALI BIN RAMLY****4.1. PENURAPAN SEMULA PERMUKAAN TEMPAT LETAK KERETA YANG ROSAK**

Beliau mohon kerja-kerja penurapan ke atas permukaan tempat letak kereta yang rosak khususnya di Ampang Point, Taman Permata Jaya dan Taman Melawati.

Tindakan :**Jabatan Kejuruteraan**

(Minit dipindahkan ke Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam)

TUAN AHMAD SABRI BIN ABU BAKAR**4.2. MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR DI LALUAN UTAMA MENUJU KE BUKIT ANTARABANGSA**

Beliau mohon dinaiktaraf infrastruktur seperti lampu jalan dan tiang lampu baru di laluan utama menuju ke Bukit Antarabangsa iaitu :

- i) Jalan Wangsa 1 (dari simpang MRR2 hingga kawasan Jalan Wangsa 2)
- ii) Jalan Kelab Ukay Utama hingga ke simpang Wangsa 6 (kawasan Giant/Petronas).

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

(Minit dipindahkan ke mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam)

TUAN ABDUL AZIZ BIN AHMAD**4.3. MOHON TINDAKAN PENGUATKUASAAN KEPADA PENIAGA RESTORAN YANG MELETAKKAN KERUSI DAN MEJA DI LUAR RESTORAN**

Beliau mohon tindakan penguatkuasaan ke atas peniaga-peniaga restoran yang tidak memohon permit bagi meletakkan kerusi dan meja di luar restoran. Ini dapat menambahkan pendapatan Majlis dengan mengeluarkan kompaun kepada peniaga-peniaga yang tidak memohon permit tersebut.

**Tindakan :
Jabatan Pelesenan / Jabatan Penguatkuasa**

(Minit dipindahkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan)

4.4. PENIAGA-PENIAGA YANG MEMASANG KHEMAH-KHEMAH TAMBAHAN DI HADAPAN KEDAI

Beliau memaklumkan terdapat pemilik-pemilik premis perniagaan memasang tambahan khemah di hadapan kedai masing-masing. Beliau mohon tindakan selanjutnya kerana kebanyakan kedai memasang khemah berbulan-bulan dan meninggalkan khemah tersebut di hadapan kedai.

Tindakan :
Jabatan Pelesenan / Jabatan Penguatkuasa

(Minit dipindahkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan)

Tindakan :
Jabatan Pelesenan/ Jabatan Penguatkuasa

4.5. PETAK-PETAK PARKING YANG DIGUNAKAN OLEH BENGKEL-BENGKEL KERETA DI KAWASAN RUMAH-RUMAH KEDAI

Beliau memaklumkan banyak bengkel kereta di Ampang Waterfront menggunakan petak-petak parking untuk meletakkan kereta-kereta yang rosak untuk dibaiki. Jika bengkel-bengkel tersebut mahu menggunakan petak-petak parking tersebut perlu memohon permit parking kepada Majlis untuk menambah pendapatan Majlis. Tindakan penguatkuasaan juga perlu kepada peniaga-peniaga yang tidak memohon permit petak parking.

Tindakan :
Jabatan Perbadanan/ Jabatan Penguatkuasa

4.6. KAWASAN LAPANG YANG DIJADIKAN TEMPAT MELETAK BARANG-BARANG PERNIAGAAN

Beliau menyatakan kebanyakannya rumah kedai di lot-lot hujung di Ampang Waterfront menggunakan kawasan lapang dijadikan sebagai kawasan landskap dan tempat meletakkan barang perniagaan mereka. Perkara ini hendaklah disemak dan jika perlu pihak Majlis mengenakan bayaran kepada peniaga-peniaga ini jika mereka ingin menggunakan kawasan tersebut.

**Tindakan :
Jabatan Pelesenan**

4.7. MOHON SENARAI DAN JUMLAH GERAI B.O.T MAJLIS

Beliau mohon disediakan senarai dan jumlah gerai B.O.T Majlis serta jumlah hasil yang diperolehi dari gerai-gerai B.O.T tersebut. Maklumat ini mohon dibentangkan pada mesyuarat akan datang.

**Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

TUAN HAJI MAT JUSOH BIN DOLLAH

4.8. STATUS PEMUTIHAN GERAI-GERAI HARAM

Beliau mohon status terkini program pemutihan gerai-gerai haram di kawasan Majlis. Beliau juga mohon isu pemohonan TOL dibawa ke Mesyuarat Kerajaan Negeri.

**Tindakan :
Jabatan Perancang Bandar**

TUAN HAJI MEOR RITHUAN BIN MOHAMED SAID

4.9. TAPAK BARU BAGI LOKASI MEDAN SELERA

Beliau menyatakan Majlis mempunyai peruntukan RM1juta perbelanjaan pembangunan bagi tapak baru medan selera. Beliau ingin tahu kawasan Medan Selera tersebut terletak dimana.

Pihak Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta memaklumkan terdapat beberapa cadangan tapak seperti di Ampang Saujana, Bukit Indah dan beberapa kawasan yang direzabkan sebagai tapak perniagaan dan pihak Jabatan akan membuat semakan semula bagi tapak baru tersebut.

Tuan Pengarsi mohon isu ini diselesaikan segera sebelum hujung tahun ini dan dibentangkan pada mesyuarat akan datang.

Tindakan :

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

5. PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta menimbang dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran.

Disediakan Oleh ;
Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
23MEI2013

1. PERKARA-PERKARA YANG DIBINCANGKAN

- 1.1 Permohonan bagi mendirikan papan tanda Unipole di sisi Jalan MRR2 berhampiran susur keluar DUKE, Ampang bersaiz 60'x 40' (2 muka), Selangor Darul Ehsan oleh Tetuan Emerging Enterprise Sdn Bhd.

1.1.1 Ulasan Jabatan-Jabatan Teknikal:

Bil.	Jabatan	Ulasan
1.	P (Kej)	Tiada halangan dengan permohonan yang dikemukakan dan pemohon perlu merujuk ke Jabatan Kerja Raya (JKR) kerana lokasi berkenaan adalah dibawah bidang kuasa JKR Daerah Gombak.
2.	P (BS)	Tiada halangan dengan syarat mematuhi garis panduan Jab. Perancang Bandar dan mengemukakan permohonan permit struktur ke Jab. Bangunan.
3.	P (PB)	Tiada halangan menyokong permohonan dengan syarat perlu mendapatkan pengesahan dari pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Pejabat Tanah Daerah Gombak berkaitan status tanah. Pemohon diminta mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang terlebih dahulu.
4.	P (PPH)	Tiada

1.1.2 **Syor Mesyuarat Taskforce:**

Permohonan ditolak selaras dengan keputusan Kerajaan Negeri dalam MMKN 19/2012 bertarikh 23 Mei 2012 yang tidak lagi membenarkan permohonan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) di atas tanah rizab jalan.

- 1.2 Permohonan bagi mendirikan papan tanda Unipole di sisi jalan MRR2 berhampiran Taman Permata, Wangsa Maju bersaiz 60'x40' (2 muka) oleh Tetuan Emerging Enterprise Sdn Bhd

1.2.1 Ulasan Jabatan-Jabatan Teknikal:

Bil.	Jabatan	Ulasan
1.	P (Kej)	Permohonan dalam rezab jalan JKR dan pemohon perlu mendapat kelulusan daripada pihak JKR.
2.	P (BS)	Tiada halangan dengan syarat mematuhi garis panduan Jab. Perancang Bandar dan mengemukakan permohonan permit struktur ke Jab. Bangunan.
3.	P (PB)	Tidak menyokong kerana tapak adalah rezab jalan dan memerlukan TOL yang mana pihak kerajaan negeri sekarang ini menangguh semua permohonan TOL di atas tanah kerajaan.
4.	P (PPH)	Tiada

1.2.2 **Syor Mesyuarat Taskforce:**

Permohonan ditolak selaras dengan keputusan Kerajaan Negeri dalam MMKN 19/2012 bertarikh 23 Mei 2012 yang tidak lagi membenarkan permohonan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) di atas tanah rizab jalan.

- 1.3 Permohonan bagi mendirikan papan iklan Unipole bersaiz 60' x 40' (2 muka) di Jalan Pandan Indah / MRR2 berhampiran railway LRT Pandan Indah oleh Tetuan Out Of Homes Sign Sdn Bhd

1.3.1 Ulasan Jabatan-Jabatan teknikal :

Bil.	Jabatan	Ulasan
1.	P (Kej)	Tiada halangan dengan permohonan yang dikemukakan dan pemohon perlu merujuk kepada pihak pemaju iaitu Trans Loyal Development Sdn Bhd memandangkan lokasi terletak dalam tanah hak milik pemaju.
2.	P (BS)	Tiada halangan dengan mematuhi garis panduan serta mengemukakan permohonan permit struktur ke Jab. Bangunan.
3.	P (PB)	Tidak menyokong permohonan sehingga mematuhi syarat-syarat berikut : Mendapatkan ulasan JPS sekiranya rezab parit Memohon TOL sekiranya tanah kerajaan. Mendapatkan persetujuan pemilik tanah sekiranya tanah individu. Mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang dengan mematuhi syarat-syarat yang dikemukakan.
4.	P (PPH)	Tiada

1.3.2 **Syor Mesyuarat Taskforce:**

Permohonan ditangguh bagi semakan semula dan pengesahan status tanah oleh Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Perancang Bandar.

- 1.4 **Permohonan bagi mendirikan papan iklan Vertical bersaiz 30' x 24' di MRR2 Kampung Cheras Baru berhampiran Safari oleh Tetuan Out Of Homes Signs Sdn Bhd**

1.4.1 Ulasan Jabatan-Jabatan Teknikal:

Bil.	Jabatan	Ulasan
1.	P (Kej)	Tiada halangan dengan permohonan yang dikemukakan.
2.	P (BS)	Tiada halangan dengan mematuhi garis panduan serta mengemukakan permohonan permit struktur ke Jab. Bangunan.
3.	P (PB)	Tidak menyokong permohonan kerana tidak mematuhi garispanduan papan iklan MPAJ iaitu ketinggian papan iklan hendaklah dalam jarak yang kurang dari jarak tiang papan iklan dengan lot kediaman atau lot individu bersebelahan.
4.	P (PPH)	Tiada

1.4.2 **Syor Mesyuarat Taskforce:**

Permohonan ditolak kerana tidak mematuhi garispanduan papan iklan MPAJ iaitu ketinggian papan iklan hendaklah dalam jarak yang kurang dari jarak tiang papan iklan dengan lot kediaman atau lot individu bersebelahan.

- 1.5 Permohonan bagi cadangan menaik taraf struktur papan iklan yang berukuran 14' x 48' kepada saiz 60' x 40' di MRR2 dari Gombak / Hulu Kelang menuju Ampang oleh Tetuan Spectrum Outdoors Marketing Sdn Bhd.

1.5.1 Ulasan Jabatan-Jabatan Teknikal:

Bil.	Jabatan	Ulasan
1.	P (Kej)	Tiada halangan dengan cadangan yang dikemukakan.
2.	P (BS)	Tiada halangan dengan syarat mematuhi garis panduan Jab. Perancang Bandar dan mengemukakan permohonan permit struktur ke Jab. Bangunan.
3.	P (PB)	Tidak menyokong permohonan kerana mengikut garis panduan papan iklan atas tanah Rancangan Tempatan MPAJ, ketinggian maksimum yang dibenarkan untuk papan iklan saiz 60' x 40' adalah 100' ataupun dalam jarak yang kurang daripada jarak tiang papan iklan dengan lot kediaman bersebelahan. Jarak papan iklan sedia ada dengan lot kediaman adalah terlalu hampir dengan kediaman dan tidak mematuhi jarak yang ditetapkan dalam garispanduan tersebut. Walaubagaimanapun, pihak jabatan boleh mempertimbangkan permohonan jika pemohon mendapatkan kebenaran bertulis daripada pemilik lot bersebelahan.
4.	P (PPH)	Tiada

1.5.2 **Syor Mesyuarat Taskforce:**

Permohonan ditolak kerana tidak mematuhi garis panduan iaitu ketinggian maksimum yang dibenarkan untuk papan iklan saiz 60' x 40' adalah 100 kaki.

- 1.6 Permohonan bagi mengalihkan tapak papan iklan yang terlibat dengan Projek Lebuhraya Besraya (BEE) di Jalan Pandan Indah / Jalan Pandan Utama ke persimpangan Jalan Pandan Indah/ Pandan Mewah oleh Tetuan Seni Jaya Sdn Bhd

1.6.1 Ulasan Jabatan-Jabatan Teknikal:

Bil.	Jabatan	Ulasan
1.	P (Kej)	tiada halangan dengan cadangan permohonan yang dikemukakan.
2.	P (BS)	tiada halangan dengan syarat mengemukakan pelan pindaan daripada pelan kelulusan asal.
3.	P (PB)	tidak menyokong permohonan kerana tapak lokasi yang dicadangkan merupakan kawasan lapang yang telah diwartakan pada 17 Februari 2011.
4.	P (PPH)	Tiada

1.6.2. Syor Mesyuarat Taskforce:

Permohonan ditolak kerana tapak lokasi yang dicadangkan merupakan kawasan lapang yang telah diwartakan pada 17 Februari 2011.

- 1.7 Permohonan bagi mengalihkan tapak papan iklan yang terlibat dengan Projek Lebuhraya Besraya (BEE) di Jalan Pandan Indah / Pandan Makmur ke Jalan Mamanda 9 / Luar Jalan Lingkaran Tengah 2 oleh Tetuan Seni Jaya Sdn Bhd

1.7.1 Ulasan Jabatan-Jabatan Teknikal:

Bil.	Jabatan	Ulasan
1.	P (Kej)	Tiada halangan dengan cadangan permohonan yang dikemukakan.
2.	P (BS)	Tiada halangan dengan syarat mengemukakan pelan pindaan daripada pelan kelulusan asal.
3.	P (PB)	Tiada
4.	P (PPH)	Tiada

1.7.2. Syor Mesyuarat Taskforce:

Permohonan ditolak kerana tidak mematuhi garis panduan iaitu jarak kurang 300 meter dengan billboard yang lain.

- 1.8. Permohonan bagi mendirikan papan iklan jenis Lightbox bersaiz 2134mm x 762mm (2 muka) di rizab Jalan Persekutuan oleh Tetuan Technomacy Sdn Bhd.

1.8.1 Ulasan Jabatan-Jabatan Teknikal:

Bil.	Jabatan	Ulasan
1.	P (Kej)	Tiada halangan terhadap permohonan yang dikemukakan.
2.	P (BS)	Tiada halangan dengan cadangan yang dikemukakan dan dikehendaki mengemukakan permohonan permit struktur ke Jabatan Bangunan.
3.	P (PB)	Tidak menyokong permohonan kerana merujuk kepada garis panduan papan iklan MPAJ tidak membenarkan memasang papan iklan di pembahagi jalan.

1.8.2. Syor Mesyuarat Taskforce:

Permohonan diluluskan dengan syarat mengemukakan permohonan permit struktur ke Jabatan Bangunan.

1.9. Aduan bagi Status tapak billboard di Jalan Cahaya menuju ke Taman Dagang berhadapan dengan Kedai Perabot Cempaka oleh Tetuan Out Of Homes Sign Sdn Bhd

- 1.9.1 Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil. 01/2013 pada 15 Januari 2013, Tn. Ahmad Fauzi B. Mohd Kamis telah memaklumkan bahawa struktur billboard di hadapan kedai perabut Cempaka terlalu hampir dengan jalan raya dan merbahaya kepada pemandu kenderaan.
- 1.9.2 Beliau memohon status Lesen Menduduki Sementara disemak bagi tapak tersebut.
- 1.9.3 Ulasan Semula Jabatan Teknikal:

Bil.	Jabatan	Ulasan
1.	P (BS)	Paparan billboard tidak mematuhi garis anjakan 3 meter daripada bahu jalan.

- 1.9.4 Kelulusan **Lesen Menduduki Sementara** telah diluluskan oleh Pejabat Tanah Daerah Hulu Langat pada 08 Julai 2010 dengan rujukan PTDUL.3/8/546-2009(B)

- 1.9.5 **Kebenaran Merancang** telah diluluskan pada 12 Januari 2012 di dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.1/2012

1.9.6 **Permit struktur** bagi cadangan untuk mendirikan papan iklan telah telah diluluskan pada 17 Julai 2012.

1.9.7. **Syor Mesyuarat Taskforce:**

Semakan semula Jabatan Bangunan dan Senibina bersama Jabatan Pelesenan untuk mengetahui ketinggian tiang dan jarak paparan dengan bahu jalan.

1.10. Permohonan bagi mendirikan papan iklan bagi tapak gantian struktur yang telah diturunkan bagi pembinaan Lebuhraya Duta – Hulu Kelang (DUKE) bersaiz 48' x 24' jenis Minipole di KM 23.3 MRR 2 oleh Tetuan Alloy Advertising Sdn Bhd

1.10.1 Pada 20 Disember 2012 melalui Mesyuarat Jawatankuasa Taskforce Khas Billboard dan Menara Telekomunikasi Bil.8/2010, dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil.11/2010 dan disahkan di dalam Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 12/2010 telah **menolak permohonan dan dikehendaki mengemukakan Kebenaran Merancang setelah Lesen Menduduki Sementara diluluskan.**

1.10.2 Pada 10 November 2011, pihak syarikat telah mengemukakan rayuan kerana **Kementerian Kerja Raya Malaysia telah meluluskan tapak gantian di lokasi tersebut** (rujukan : (15) KKR.BPP.711-2/2/9 Jld.2).

1.10.3 Pada 11 Januari 2011 melalui Mesyuarat Jawatankuasa Taskforce Khas Billboard dan Menara Telekomunikasi

Bil.1/2011, dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil. 1/2011 dan disahkan di dalam Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 1/2011 telah **menolak permohonan dan dikehendaki menurunkan visual dan struktur.**

1.10.4.Pada 17 Februari 2011, pihak syarikat telah mengemukakan rayuan untuk kali kedua.

1.10.5Pada 09 Mac 2011 melalui Mesyuarat Jawatankuasa Taskforce Khas Billboard dan Menara Telekomunikasi Bil.3/2011, dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil. 3/2011 dan disahkan di dalam Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 3/2011 telah **menolak permohonan dan diberikan tempoh sehingga 30 Jun 2011 untuk menurunkan struktur.**

1.10.6.Pada 10 Februari 2011, **Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.3/2011 telah menolak permohonan Kebenaran Merancang.**

1.10.7.Pada 16 November 2011 dan 04 Januari 2012 pemohon telah mengemukakan rayuan ke Jabatan Pelesenan.

1.10.8Pada 26 Januari 2012 melalui Mesyuarat Jawatankuasa Taskforce Khas Billboard dan Menara Telekomunikasi Bil. 1/2012, dan disahkan di dalam Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 1/2012 pada 29 Januari 2012 telah **meluluskan syor untuk dikemukakan permohonan Kebenaran Merancang yang baru ke Bahagian OSC.**

1.10.9 Lesen Pendudukan Sementara telah ditolak oleh Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Gombak kerana tapak yang di pohon terletak di atas rizab sungai pada 30 April 2012.

1.10.10 Pada 05 Disember 2012, pihak Alloy Advertising telah menyerahkan salinan **kebenaran / sokongan daripada Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor** untuk tapak bagi struktur papan iklan di lokasi tersebut.

1.10.11 Melalui Mesyuarat PRA Pusat Setempat OSC Bil.8/2013 pada 30 April 2013, permohonan **Kebenaran Merancang telah ditangguh bagi semakan semula dengan Pejabat Tanah.**

1.10.12 Permohonan **Kebenaran Merancang telah ditangguh didalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil. 09/2013** sehingga Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta Memohon semula TOL bagi tapak tersebut.

1.10.13 Syor Mesyuarat Taskforce:

Permohonan ditolak selaras dengan arahan Kerajaan Negeri dalam MMKN 19/2012 bertarikh 23 Mei 2012 yang tidak lagi membenarkan permohonan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) di atas tanah rizab jalan.

2. HAL-HAL LAIN**2.1 Telco di atas struktur billboard milik Spectrum Outdoors Sdn Bhd di dalam kawasan Dewan UMNO Ahmad Jantan Kampung Pandan:**

- 2.1.1 Semakan Jab. Bangunan mendapati syarikat telco Maxis mempunyai perjanjian penyewaan dengan Spectrum Outdoors Sdn Bhd. Dicadangkan surat dikeluarkan oleh Jabatan Pelesenan kepada pihak Spectrum Outdoors kerana menaikkan struktur telco di atas struktur billboard tanpa kelulusan.
- 2.1.2 Jabatan Pelesenan dikehendaki mendapatkan perjanjian penyewaan dengan pihak syarikat dan Jabatan Bangunan dikehendaki mendapatkan perjanjian penyewaan dengan syarikat telco bagi semakan kadar penyewaan.
- 2.1.3 Tambahan bayaran sewa tapak akan dikenakan oleh Jabatan Pelesenan ke atas struktur telco di atas billboard tersebut.

**4.6
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
PUSAT SETEMPAT (OSC) BIL.9/2013**

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)
BIL. 09/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 10 HB MEI 2013 (JUMAAT)

MASA : 9.30 PAGI

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
ARAS 16, MPAJ**

KEHADIRAN AHLI-AHLI MESYUARAT

BIL	HADIR	JABATAN / AGENSI
1.	Y. Bhg. Dato' Mohammad B. Yacob	Yang DiPertua MPAJ (Pengerusi)
2.	Tn. Hj. Abd. Hamid B. Hussain	Timbalan Yang DiPertua MPAJ
3.	Tn. Abdul Jalil B. Hassan	Ahli Majlis MPAJ
4.	Tn. Abdul Aziz B. Ahmad	Ahli Majlis MPAJ
5.	Pn. Sian Keng Eng	Ahli Majlis MPAJ
6.	En. Mohd Zuwahir B. Wandi	Pej. Tanah & Daerah Gombak
7.	En. Raja Azhar B. Raja Alias	Pej. Tanah & Daerah Hulu Langat
8.	Pn. Faridah Hanim Bt. Salaton	JPBD Selangor
9.	En. Muhammad Ezwan B. Dahlan	Jab. Mineral & Geosains Selangor
10.	En. Mohd Azri B. Md Baharudin	Jab. Kerja Raya Hulu Langat
11.	En. Zafiruddin B. Mohd Nasib	Jab. Bomba & Penyelamat Selangor
12.	DSP Hj. Abd. Rahman B. Hj. Hasnan	PDRM (Daerah Ampang)
13.	Pn. Farahana Bt. Abu Bakar	Jab. Pengairan & Saliran Gombak
14.	En. Azhar B. Ramli	Jab. Pengairan & Saliran Hulu Langat
15.	Pn. Nor Liza Bt. Yen	Jab. Alam Sekitar Selangor
16.	En. Syamsul Fadli B. Abdul Manaf	POS Malaysia Berhad
17.	En. Muhammad Wafiy B. Md Wazir	Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)
18.	Pn. Zuraina Bt. Said	Jab. Perancang Bandar MPAJ
19.	En. Hasrolnizam B. Shaari	Jab. Kejuruteraan MPAJ
20.	En. Yazid B. Sarkom	Jab. Bangunan & Senibina MPAJ
21.	Pn. Siti Aishah Bt. Salim	Jab. Undang-Undang MPAJ
22.	En. Khairulazmi B. Abd Rahman	Jab. Penilaian & Pengurusan Harta
23.	Pn. Rohana Bt. Mohd Nor	Ketua Bahagian OSC
24.	En. Mohd Hafiz B. Abd. Halim	Urusetia OSC Pembangunan
25.	Pn. Rozita Bt. Razali	Urusetia OSC Pembangunan
26.	Pn. Rahah Bt. Jalaludin	Urusetia OSC Pembangunan
27.	Pn. Hajjah Norhayati Bt. Ahmad	Peg. Perhubungan Awam

28. Pn. Noor Hasliza Bt. Ismail
29. Pn. Noor Isme Zahah Bt. Ismail
30. En. Azam B. Husni

Jab. Perlesenan
Jab. Belia Masyarakat
Jab. Penguatkuasa

TURUT HADIR

1. En. Mohd Azli B. Othman
2. En. Syed Noornekman B. Syed Abdullah
3. Tg. Norhani Bt. Tg. Hamzah
4. En. Bahari B. Sulieman
5. Pn. Masni Manja Bt. Md Sidek
6. Pn. Maslinda Bt. Mohd Yusuf
7. En. Mohd Hirazat B. Abdul Wahid
8. En. Mohd Fadzil B. Mohd Ishak
9. En. M. Khairul Nizam B. M. Kamil

Jab. Perancang Bandar
Jab. Perancang Bandar
Jab. Perancang Bandar
Jab. Perancang Bandar
Jab. Bangunan Senibina
Jab. Bangunan Senibina
Jab. Bangunan Senibina
Jab. Kejuruteraan
Jab. Kejuruteraan

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

1. Tn. Razali B. Ramly (Ahli Majlis MPAJ)
2. Kumpulan IKRAM Sdn Bhd
3. Jab. Kerja Raya Gombak
4. Jab. Pengairan & Saliran Selangor
5. Indah Water Konsortium (IWK)
6. SYABAS
7. TNB Distribution Sdn. Bhd.
8. SKMM Wilayah Tengah

TIDAK HADIR
TIDAK HADIR

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.05/2013**

LAPORAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)

1. TUJUAN

Kertas ini bertujuan untuk pemakluman di Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC).

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 09/2013 telah diadakan pada 10 Mei 2013 dan telah membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

2.1 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

- 2.1.1 Satu (1) Permohonan Serentak Pelan Kerja Tanah dan Pelan Bangunan yang pernah ditangguhkan dibincangkan semula dan telah ditangguhkan semula.
- 2.1.2 Dua (2) Permohonan Kebenaran Merancang yang pernah ditangguhkan dibincangkan semula. Satu (1) permohonan telah diluluskan dengan syarat dan satu (1) permohonan telah ditolak.
- 2.1.3 Satu (1) Permohonan Pelan Bangunan yang pernah ditangguhkan dibincangkan semula dan telah diluluskan dengan syarat.

(LAMPIRAN 1)

2.2 PERMOHONAN SERENTAK

- 2.2.1 Dua (2) Permohonan Serentak Permohonan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan telah dikemukakan dan telah diluluskan dengan syarat.
- 2.2.2 Satu (1) Permohonan Serentak Pelan Infrastruktur dan Pelan bangunan telah dikemukakan dan telah diluluskan dengan syarat
- 2.2.3 Dua (2) Permohonan Serentak Pelan Kerja Tanah dan Pelan Infrastruktur telah dikemukakan. Satu (1) telah diluluskan dengan syarat dan satu (1) telah ditangguhkan.

(LAMPIRAN 2)

2.3 PERMOHONAN CADANGAN KEBENARAN MERANCANG

Satu (1) cadangan Kebenaran Merancang telah dikemukakan dan telah ditangguhkan.

(LAMPIRAN 3)

2.4 PERMOHONAN CADANGAN KEBENARAN MERANCANG (RUMAH SESEBUAH)

Satu (1) cadangan Kebenaran Merancang (Rumah Sesebuah) telah dikemukakan dan telah ditangguhkan.

(LAMPIRAN 4)

2.5 PERMOHONAN CADANGAN KEBENARAN MERANCANG (BILLBOARD)

Satu (1) cadangan Kebenaran Merancang (Billboard) telah dikemukakan dan telah ditangguhkan

(LAMPIRAN 5)

2.6 PERMOHONAN CADANGAN KEBENARAN MERANCANG (TUKAR GUNA)

Satu (1) cadangan Kebenaran Merancang (Tukar Guna) dikemukakan dan telah diluluskan dengan syarat.

(LAMPIRAN 6)

2.7 PERMOHONAN CADANGAN KEBENARAN MERANCANG (LANJUT TEMPOH)

Dua (2) cadangan Kebenaran Merancang (Lanjut Tempoh) dikemukakan dan telah diluluskan dengan syarat.

(LAMPIRAN 7)

2.8 PERMOHONAN CADANGAN KEBENARAN MERANCANG (CAD. NAMA TAMAN & ALAMAT)

Dua (2) cadangan Kebenaran Merancang (Cad. Nama Taman & Alamat) dikemukakan dan telah diluluskan.

(LAMPIRAN 8)

2.9 PERMOHONAN PELAN KEJURUTERAAN (PELBAGAI)

Satu (1) cadangan Pelan Kejuruteraan (Pelbagai) telah dikemukakan dan telah diluluskan.

(LAMPIRAN 8)

2.10 PERMOHONAN CADANGAN PELAN BANGUNAN (PERUMAHAN)

Tiga (3) cadangan Pelan Bangunan (Perumahan) telah dikemukakan dan telah diluluskan dengan syarat.

(LAMPIRAN 10)

2.11 PERMOHONAN CADANGAN PELAN BANGUNAN (INSTITUSI)

Satu (1) cadangan Pelan Bangunan (Institusi) telah dikemukakan dan telah diluluskan dengan syarat.

(LAMPIRAN 11)

2.12 HAL-HAL LAIN

- 2.12.1 Sebanyak 23 permohonan Tambahan dan Pindaan (Ubahsuai) dan 24 permohonan Permit Pelbagai dan Ubahsuai Dalaman telah diproses dan diluluskan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 09/2013.
- 2.12.2 Sebanyak 3 Permohonan Pengecualian Pelan Infrastruktur Jalan dan Perparitan telah diproses dan telah diluluskan dengan syarat. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 09/2013.
- 2.12.3 Sebanyak 2 permohonan Pelan Lampu Jalan telah diproses, satu permohonan telah diluluskan dan satu permohonan telah dibatalkan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 09/2013.

2.12.4 Sebanyak 1 permohonan Pelan Lanskap telah diproses dan diluluskan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 09/2013.

(LAMPIRAN 11)



2.1 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

Satu (1) Permohonan Serentak Pelan Kerja Tanah dan Pelan Bangunan yang ditangguhkan dikemukakan semula dalam mesyuarat pada kali ini.

**2.1(i) TAN SRI DATO' HAMAD KAMA PIAH BIN CHE OTHMAN.
(PELAN KERJA TANAH)**

Pemohon : **Tan Sri Dato' Hamad Kama Piah Bin Che Othman**
No. Fail PBT : MPAJ.KEJ.KB.720-02-281B
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/38/12
Tajuk : Cadangan Membina Dan Menyiapkan Sebuah Banglo 3 Tingkat Berserta 1 Aras Bawah Tanah Di Atas Lot 6884, Lorong Kasawari, Desa Haras, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan.

Perunding : Khairi Consult Sdn. Bhd.
ADUN : Y.B. Tuan Hj. Saari B. Sungib (Dun Hulu Kelang)
Ulasan & Pertanyaan : **Pengarah Jab. Kejuruteraan, MPAJ**

Beliau memaklumkan daripada semakan jabatan pemohon telah mematuhi ulasan jabatan dari aspek teknikal, garis panduan dan spesifikasi yang ditetapkan, walau bagaimanapun permohonan belum mandapat sokongan daripada Jabatan Pengairan Dan saliran (JPS) dan Jabatan Perancang Bandar MPAJ.

Dato' Pengerusi

Dato' Pengerusi meminta penjelasan daripada Jabatan Perancang Bandar kerana tidak menyokong permohonan Pelan Kerja Tanah.

Wakil Jabatan Perancang Bandar, MPAJ (Pn Zuraina)

Beliau memaklumkan hasil semakan Pelan Kerja Tanah yang dikemukakan tidak selaras dengan kelulusan Kebenaran Merancang dari segi sempadan lot tidak sama dengan pelan semasa kebenaran merancang diluluskan serta tidak selari dengan geran.

Keputusan : Mesyuarat memutuskan permohonan ini **ditangguhkan**. Pihak pemohon perlu mendapatkan sokongan daripada Jabatan Pengairan Dan saliran (JPS) dan meminda pelan selaras dengan pelan kelulusan Kebenaran Merancang.

**Tindakan : Jabatan Pengairan Dan saliran
(JPS),
Jabatan Perancang Bandar
MPAJ,
Bah. OSC
MPAJ,
Jab. Kejuruteraan,
MPAJ.**

**2.1(ii) TAN SRI DATO' HAMAD KAMA PIAH BIN CHE OTHMAN.
(PELAN BANGUNAN)**

Pemohon : **Tan Sri Dato' Hamad Kama Piah Bin Che Othman.**
No. Fail PBT : MPAJ BS.KB 740-1/1-60/12
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/38/12
Tajuk : Cadangan Membina Dan Menyiapkan Sebuah Banglo 3 Tingkat Beserta 1 Tingkat Aras Bawah Tanah Diatas Gm 327 Lot 6884, Lorong Kasawari, Desa Haras, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan.
Perunding : Arkitek MZD Sdn. Bhd.
ADUN : Y. B. Saari Bin Sungib
(DUN Hulu Kelang)
Keputusan : Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.9/2013 bertarikh 10 Mei 2013 telah memutuskan permohonan Pelan Bangunan ini **ditangguhkan** selaras Pelan Kerja Tanah dan pemohon dikehendaki mematuhi ulasan Jabatan Bangunan dan Senibina seperti surat bil.(2)dlm.MPAJ BS.KB 740-1/1-60/12 bertarikh 10/01/2013 para 2.0 iaitu ulasan rekabentuk serta menjelaskan bayaran cukai taksiran terkini.

**Tindakan : Jab.Bangunan dan Senibina, MPAJ.
& OSC Pembangunan.**

Dua (2) Permohonan Kebenaran Merancang yang pernah tertangguh dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) terdahulu dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.

2.2 TETUAN RILIL (M) SDN. BHD.

Pemohon	: Tetuan Rilil (M) Sdn. Bhd.
Tajuk	: Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Pelan Susunatur 1 Blok Bangunan Perniagaan (Strata), 3 Tingkat & 1 Tingkat Sub-Basement Tempat Letak Kereta Secara Serah Balik Dan Pemberimilikan Semula Tanah Di Bawah Seksyen 204B(KTN) Di Atas Pt 12802 Dan Pt 12803, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor
Perunding	: AHA Planning Consultant
No. Fail PBT	: MPAJ .KP/2-2/2013
No. Fail OSC	: MPAJ.OSC.DEV.10.13
ADUN	: Y.B. Mohamed Azmin Bin Ali (DUN Bukit Antarabangsa)
